



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI KELANTAN
SIRI 2



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI KELANTAN
SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN


vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH Pengurusan Hasil Cukai Tanah
23	MAJLIS DAERAH MACHANG MAJLIS DAERAH TUMPAT Pengurusan Perolehan
31	JABATAN AIR NEGERI KELANTAN Pengurusan Kawal Selia Sumber Air
58	PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN Darul Digital Multimedia Solutions Sdn. Bhd.
73	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
3. Saya berharap laporan ini yang mengandungi kajian Audit terhadap aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, 2 Agensi Negeri dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.
4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
26 September 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH - Pengurusan Hasil Cukai Tanah

1.1. Setiap Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) bertanggungjawab terhadap pengurusan hasil cukai tanah di jajahan masing-masing. Hasil cukai merangkumi cukai tanah semasa, cukai tanah tahun pertama, tunggakan cukai dan denda lewat. Aktiviti di PTJ merangkumi urusan pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Hasil PTJ terdiri daripada cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Cukai tanah merupakan salah satu sumber hasil di dalam kategori hasil cukai. Pada 31 Disember 2015 terdapat 742,010 hak milik tanah di negeri Kelantan yang dikenakan cukai. Jumlah hasil tanah yang dikutip bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah masing-masing RM34.16 juta, RM34.09 juta dan RM35.19 juta. Kutipan hasil cukai tanah merupakan antara penyumbang yang tertinggi kepada hasil Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM103.44 juta atau 8.9% daripada jumlah pendapatan Kerajaan Negeri bagi tempoh 3 tahun berkenaan.

1.2. Sehingga 25 April 2016, bilangan hak milik yang dikenakan cukai di PTJ Kota Bharu sebanyak 197,887 melibatkan cukai tanah sejumlah RM5.62 juta. Tanah Merah pula mempunyai 71,671 hak milik dan hasil cukai sejumlah RM2.67 juta. PTJ menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi semua urusan mendaftarkan hak milik tanah dan Sistem Pentadbiran Hasil Tanah Berkomputer (SPHT) bagi semua urusan kutipan hasil cukai tanah. Bagi memudahkan urusan pembayaran cukai tanah, pihak Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) juga memperkenalkan kaedah pembayaran secara *online* melalui Maybank2u.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati transaksi pembayaran secara *online* meningkat setiap tahun iaitu dari 1,771 pada tahun 2013 kepada 1,939 pada tahun 2014 dan 2,502 pada tahun 2015. Bagaimanapun, peningkatan tersebut tidak menyumbang kepada peningkatan ketara pungutan cukai tanah. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Prestasi pungutan hasil cukai tanah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Tunggakan hasil cukai tanah dan denda tinggi.
- Data hak milik tidak selari antara SPTB dan SPHT.
- Bil cukai tidak dihantar, surat pentadbiran dan notis 6A yang dihantar tidak sampai dan tiada maklum balas.

1.4. Selain menyediakan kemudahan pembayaran cukai tanah secara *online* yang telah mendapat sambutan baik pembayar cukai, beberapa kelemahan dalam pengurusan hasil cukai tanah masih perlu dipertingkatkan. Adalah disyorkan PTG dan PTJ mengambil langkah-langkah berikut:

1.4.1. Pembersihan data dilakukan dengan segera bagi memastikan data-data dalam sistem SPHT bersamaan dengan sistem SPTB.

1.4.2. Tindakan diambil terhadap pemilik tanah yang mampu tetapi enggan menjelaskan cukai tanah dengan pengeluaran Notis 6A dan Notis 8A setelah beberapa peringatan dan rundingan dibuat.

2. MAJLIS DAERAH MACHANG MAJLIS DAERAH TUMPAT - Pengurusan Perolehan

2.1. Tatacara Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan adalah daripada Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2016 mendapati secara umumnya pengurusan perolehan di MDM dan MDT adalah memuaskan. Lebih 91% daripada 234 sampel Audit yang dipilih telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan di mana proses sebut harga dan pembelian terus serta pengeluaran pesanan tempatan telah dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDM dan MDT. Selain itu, terdapat satu projek pembinaan bangunan dengan kos RM3.29 juta yang dilaksanakan secara rundingan terus oleh MDM masih belum siap sepenuhnya.

- Perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM20,000 setahun tidak dibuat secara sebut harga dan berlaku pecah kecil perolehan.
- Perolehan kerja secara rundingan terus bernilai RM3.29 juta tidak dirancang dengan teliti dan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

2.3. Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan MDM dan MDT mengambil tindakan berikut:

2.3.1. Memastikan setiap perolehan yang dibuat mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

2.3.2. Memastikan perolehan kerja seperti pembinaan bangunan dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keupayaan kewangan Majlis supaya dapat disiapkan mengikut jadual dan mencapai objektif yang ditetapkan.

3. JABATAN AIR NEGERI KELANTAN

- Pengurusan Kawal Selia Sumber Air

3.1. Sumber air terdiri daripada air sungai, empangan, air bawah tanah, air bukit, tasik dan sebagainya. Perlembagaan Persekutuan menetapkan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia bekalan dan perkhidmatan air manakala Kerajaan Negeri pula bertanggung jawab terhadap sumber air.

3.2. Bagi menguruskan sumber air, Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Jabatan Air Negeri Kelantan (JANK) pada tahun 1996. Objektif JANK adalah untuk mengawal selia sumber air termasuk kawasan tadahan bagi memastikan sumber air terus mapan dari segi kuantiti dan kualiti. Negeri Kelantan yang berkeluasan 15,099km² mempunyai 4 lembangan sungai utama yang berkeluasan hampir 14,840km² dan 34 buah loji rawatan air (LRA) yang membekalkan air bersih kepada pengguna. Menurut Kajian Sumber Air Negara, Kadar abstraksi sumber air bagi tujuan air minum daripada air sungai sebanyak 60% atau 254.074 juta liter sehari (jlh) dan air bawah tanah sebanyak 40% atau 176.342 jlh.

3.3. Selaras dengan Dasar Sumber Air Negara bagi menjamin sumber air yang mencukupi bagi menampung permintaan pelbagai kategori pengguna dan alam sekitar, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) telah melaksanakan Kajian Sumber Air Negara Semenanjung Malaysia pada tahun 2000 (semak semula tahun 2009) bagi menentukan sumber air yang mencukupi sehingga tahun 2050. Kajian menunjukkan secara dasarnya dianggarkan berlaku peningkatan 63% permintaan air di sektor industri, domestik dan lain-lain dari tahun 2000 – 2050. Namun, kualiti air sungai yang merupakan sumber utama bekalan air adalah di tahap yang membimbangkan jika tiada tindakan yang positif dijalankan bagi mengawal pencemaran. Kajian juga menunjukkan impak yang besar akan berlaku dalam sektor sumber air negara selari dengan pertumbuhan pesat permintaan dalam bidang pertanian, industri dan domestik lebih-lebih lagi semasa kemarau panjang yang dikaitkan dengan El Nino, perubahan guna tanah dan perubahan iklim global.

3.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April 2016 hingga Julai 2016 mendapati pada keseluruhannya kuantiti sumber air mentah di Kelantan adalah mencukupi. Namun pengurusan kawal selia air adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti di bawah:

- Peraturan pelanggaran bagi beberapa parameter seperti kekeruhan, ferum dan aluminium adalah tinggi.
- Kawasan sumber air belum diwartakan sepenuhnya.
- Urusan pelesenan dan penguatkuasaan kurang memuaskan.
- Beberapa peruntukan dalam Enakmen Bekalan Air 1995 bertindih dengan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

3.5. Bagi memastikan objektif pengurusan sumber air di Negeri Kelantan tercapai sepenuhnya, Kerajaan Negeri hendaklah memperkasakan JANK sebagai peneraju kawal selia sumber air negeri dengan mengkaji semula peruntukan dalam Enakmen Bekalan Air 1995 berikutan penubuhan SPAN pada tahun 2008. Seterusnya JANK mengambil tindakan segera mewartakan kawasan tadahan bagi membolehkan penguatkuasaan diambil terhadap sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan pengumpulan dan kualiti sumber air mentah dan menjamin keselamatan kawasan tadahan daripada sebarang pencerobohan.

4. PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

- Darul Digital Multimedia Solutions Sdn. Bhd. (DDMS)

4.1. Darul Digital Multimedia Solutions Sdn. Bhd. (DDMS) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 Januari 2007. Pada awalnya DDMS dikenali sebagai D.D Multimedia Solution Sdn. Bhd. Penukaran nama kepada Darul Digital Multimedia Solutions Sdn. Bhd (DDMS) telah dilakukan pada 23 April 2013. DDMS merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Modal dibenarkan DDMS berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM3 juta. Objektif utama penubuhan DDMS ialah untuk menghasilkan lepasan dan ahli animasi profesional yang berkaliber dan seterusnya dapat melibatkan diri dalam industri perisian dan menjadikan Kelantan sebagai pusat perisian animasi yang berasaskan nilai-nilai Islam yang terunggul.

4.2. DDMS telah memulakan operasinya secara rasmi sebagai pusat latihan animasi pertama di Kelantan pada 3 April 2007. Aktiviti utama DDMS adalah animasi, teknologi maklumat, multimedia dan latihan. Komposisi Ahli Lembaga Pengarah DDMS terdiri daripada 6 orang yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi, 3 orang wakil kerajaan, seorang ahli perniagaan dan seorang pensyarah. Pengurusan DDMS diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 6 orang kakitangan.

4.3. Pengauditan yang dijalankan bermula 20 Mac 2016 sehingga 20 Jun 2016 mendapati pengurusan DDMS adalah kurang memuaskan. Prestasi kewangan DDMS mencatatkan kerugian bagi ketiga-tiga tahun yang diaudit dan kerugian terkumpul yang semakin meningkat sehingga RM3.21 juta. Terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Aktiviti utama iaitu pengendalian latihan tidak berdaya maju.
- Rancangan korporat 2016-2020 belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

4.4. Secara keseluruhannya, pengurusan DDMS adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan DDMS mengambil langkah berikut:

4.4.1. Memastikan hala tuju baru syarikat seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat 2016-2020 dilaksanakan dengan mengambil kira daya maju setiap aktiviti yang dijalankan dan elemen untung ruginya.

4.4.2. Memastikan latihan yang ditawarkan syarikat adalah setanding dengan syarikat lain yang menawarkan perkhidmatan latihan yang serupa dengan mengambil kira kos dan kualiti latihan.



AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH MERAH

1. PENGURUSAN HASIL CUKAI TANAH

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Setiap Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) bertanggungjawab terhadap pengurusan hasil cukai tanah di jajahan masing-masing. Hasil cukai merangkumi cukai tanah semasa, cukai tanah tahun pertama, tunggakan cukai dan denda lewat. Aktiviti di PTJ merangkumi urusan pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Hasil PTJ terdiri daripada cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Cukai tanah merupakan salah satu sumber hasil di dalam kategori hasil cukai. Pada 31 Disember 2015 terdapat 742,010 hak milik tanah di negeri Kelantan yang dikenakan cukai. Jumlah hasil tanah yang dikutip bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah masing-masing RM34.16 juta, RM34.09 juta dan RM35.19 juta. Kutipan hasil cukai tanah merupakan antara penyumbang yang tertinggi kepada hasil Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM103.44 juta atau 8.9% daripada jumlah pendapatan Kerajaan Negeri bagi tempoh 3 tahun berkenaan.

1.1.2. Sehingga 25 April 2016, bilangan hak milik yang dikenakan cukai di PTJ Kota Bharu sebanyak 197,887 melibatkan cukai tanah sejumlah RM5.62 juta. Tanah Merah pula mempunyai 71,671 hak milik dan hasil cukai sejumlah RM2.67 juta. Berdasarkan data SPHT pada 25 April 2016, cukai tanah yang dikenakan mengikut jenis hak milik bagi kedua-dua PTJ adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Cukai Tanah Mengikut Jenis Hak Milik

Kod Jenis Hak Milik	Jenis Hak Milik	PTJ Kota Bharu		PTJ Tanah Merah	
		Bilangan	Cukai Tanah (RM)	Bilangan	Cukai Tanah (RM)
001	AA	10	70.00	180	2,489.00
007	EMR	-	-	13	376.00
008	EDR	-	-	5	56.00
009	GRANT	7	514.00	-	-
010	GRN	13,163	1,510,951.00	3,517	609,675.00
011	GM	141,738	1,436,238.20	42,725	892,991.00
012	HSM	28,118	458,369.00	12,251	237,857.00
013	HSD	8,289	1,344,622.00	1,539	213,953.00
014	MAA	-	-	3	106.00
015	MUKIMGRANT	12	37.00	-	-
016	MUKIMLEASE	-	-	1	2.00
019	NEMR	51	256.00	4	22.00
021	PL	3	33.00	37	840.00
023	PN	5,233	797,703.00	415	393,887.00
024	PM	1,248	67,793.00	10,951	321,477.00
028	QT (M)	13	348.00	-	-
029	QT (R)	2	41.00	-	-
032	SI	-	-	30	132.00
Jumlah		197,887	5,616,975.20	71,671	2,673,863.00

Sumber: Data SPHT PTJ Kota Bharu dan Tanah Merah

1.1.3. PTJ menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi semua urusan mendaftarkan hak milik tanah dan Sistem Pentadbiran Hasil Tanah Berkomputer (SPHT) bagi semua urusan kutipan hasil cukai tanah. Bagi memudahkan urusan pembayaran cukai tanah, pihak Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) juga memperkenalkan kaedah pembayaran secara *online* melalui Maybank2u mulai 1 Jun 2008.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada pengurusan hasil cukai tanah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan hasil cukai tanah bagi tahun 2013 hingga April 2016 di PTJ Kota Bharu dan PTJ Tanah Merah. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji, menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berhubung dengan pengurusan hasil cukai tanah di PTJ dan PTG. Pemilihan sampel adalah berdasarkan hak milik yang mempunyai tunggakan cukai tanah dan denda lewat melebihi RM2,000 dan tertunggak melebihi 3 tahun. Analisis data SPTB dan SPHT dilakukan dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL). Lawatan Audit dan temu bual dengan pihak PTJ juga dilakukan. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Tanah Dan Galian, PTJ Kota Bharu dan PTJ Tanah Merah telah diadakan pada 31 Julai 2016.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2016 mendapati transaksi pembayaran secara *online* meningkat setiap tahun iaitu dari 1,771 pada tahun 2013 kepada 1,939 pada tahun 2014 dan 2,502 pada tahun 2015. Bagaimanapun, peningkatan tersebut tidak menyumbang kepada peningkatan ketara pungutan cukai tanah. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut.

- Prestasi pungutan hasil cukai tanah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Tunggakan hasil cukai tanah dan denda tinggi.
- Data hak milik tidak selari antara SPTB dan SPHT.
- Bil cukai tidak dihantar, surat pentadbiran dan notis 6A yang dihantar tidak sampai dan tiada maklum balas.

1.4.1. Prestasi Pungutan Hasil Cukai Tanah

1.4.1.1. Berdasarkan laporan pungutan hasil tahun 2013 hingga 2015 didapati prestasi pungutan hasil cukai tanah semasa bagi PTJ Kota Bharu adalah antara 71.8% hingga 73.7% berbanding sasaran yang ditetapkan 85%. Bagi PTJ Tanah Merah pula prestasi pungutan hasil cukai tanah semasa adalah antara 79.4% hingga 82.6% berbanding sasaran yang ditetapkan 85.0%. Prestasi pungutan tunggakan cukai tanah bagi tempoh yang sama di PTJ Kota Bharu adalah antara 12.0% hingga 20.4% iaitu jauh lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan 50%. Bagi PTJ Tanah Merah, prestasi pungutan tunggakan cukai tanah adalah antara 16.2% hingga 22.0% lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan 50.0%. Keadaan ini menunjukkan prestasi kutipan cukai tanah semasa dan tunggakan bagi kedua-dua PTJ tidak mencapai sasaran sebagaimana yang ditetapkan. Kedudukan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Prestasi Pungutan Cukai Tanah Tahun 2013 Hingga April 2016

Tahun	Prestasi Pungutan	Cukai Tanah Semasa		Tunggakan Cukai Tanah	
		Kota Bharu	Tanah Merah	Kota Bharu	Tanah Merah
2013	Patut Pungut (RM)	5,386,841.81	2,622,544.00	7,570,591.80	1,905,152.20
	Pungutan Sebenar (RM)	3,970,737.00	2,126,696.00	1,541,847.30	329,353.90
	% Pungutan	73.7%	81.1%	20.4%	17.3%
	% Sasaran	85.0%	85.0%	50.0%	50.0%
	% Perbezaan	(11.3%)	(3.9%)	(29.6%)	(32.7%)
2014	Patut Pungut (RM)	5,542,170.20	2,632,249.00	8,166,278.12	2,029,709.40
	Pungutan Sebenar (RM)	3,980,723.52	2,173,864.36	977,544.60	447,300.30
	% Pungutan	71.8%	82.6%	12.0%	22.0%
	% Sasaran	85.0%	85.0%	50.0%	50.0%
	% Perbezaan	(13.2%)	(2.4%)	(28.0%)	(28.0%)
2015	Patut Pungut (RM)	5,614,886.20	2,679,770.00	7,289,523.92	2,021,234.40
	Pungutan Sebenar (RM)	4,106,460.27	2,128,811.65	1,196,722.20	327,286.98
	% Pungutan	73.1%	79.4%	16.4%	16.2%
	% Sasaran	85.0%	85.0%	50.0%	50.0%
	% Perbezaan	(11.9%)	(5.6%)	(33.6%)	(33.8%)

Sumber: Laporan Prestasi Kutipan Cukai Tanah PTJ Kota Bharu Dan Tanah Merah

1.4.1.2. **Maklum balas PTJ bertarikh 31 Julai 2016, antara usaha yang telah diambil oleh pihak PTJ untuk mengurangkan tunggakan cukai tanah seperti mengadakan hebahan melalui khutbah Jumaat, mengadakan kutipan di luar pejabat, menghubungi pemilik tanah melalui telefon, mengedarkan risalah kesedaran membayar cukai tanah dan kerjasama pihak ketiga untuk mengesan pemilik tanah namun prestasi pungutan cukai tanah masih lagi rendah.**

1.4.2. Tunggakan Hasil Cukai Tanah Dan Denda

1.4.2.1. Seksyen 94(2) Kanun Tanah Negara (KTN) menyatakan cukai tanah hendaklah dijelaskan oleh pemilik tanah di antara 1 Januari hingga 30 Jun setiap tahun. Bermula 1

Julai, ia akan menjadi tunggakan dan denda lewat dikenakan mengikut Kaedah Tanah Kelantan 1966 (Pindaan) 2002 seperti di **Jadual 1.3**. Jika cukai tanah tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan, Notis Tuntutan (Notis 6A) dikeluarkan. Sekiranya tidak juga dijelaskan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh arahan notis tersebut, tindakan merampas tanah di bawah Seksyen 100 KTN boleh diambil oleh Pentadbir Tanah.

Jadual 1.3
Kadar Denda

Kadar Cukai Dikenakan	Denda
RM5.00 atau kurang	RM2.00
RM5.01 hingga RM10.00	RM4.00
RM10.01 hingga RM50.00	RM6.00
RM50.01 hingga RM100.00	RM12.00
Jika lebih RM100.00	15% daripada jumlah hasil

Sumber: Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 2002

1.4.2.2. Pihak Audit telah memuat turun data SPTB dan SPHT bagi kedua-dua PTJ di PTG pada 25 April 2016. Hasil analisis Audit bagi PTJ Kota Bharu mendapati sebanyak 75,081 daripada 197,887 (37.9%) hak milik mempunyai jumlah tunggakan RM29.33 juta. Ia merangkumi tunggakan cukai tanah sejumlah RM7.46 juta dan denda RM21.87 juta bagi pelbagai jenis hak milik termasuk 53 tunggakan bagi jenis hak milik lama. Tunggakan mengikut jenis hak milik seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Tunggakan Cukai Tanah Dan Denda Di PTJ Kota Bharu

Kod Hak Milik	Jenis Hak Milik	Bil Hak Milik	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
001	AA	8	1,083.00	7,341.50	8,424.50
009	Grant	4	4,214.00	9,115.90	13,329.90
010	Geran Negeri	5,699	1,947,362.60	7,081,106.46	9,028,469.06
011	Geran Mukim	49,565	2,875,427.00	9,935,539.15	12,810,966.15
012	HS (M)	12,563	909,729.80	2,463,693.95	3,373,423.75
013	HS (D)	3,637	1,024,599.00	1,638,140.70	2,662,739.70
015	Mukim Grant	7	438.12	3,349.80	3,787.92
019	NEMR	20	1,626.30	11,288.70	12,915.00
021	PL	2	75.00	417.90	492.90
023	Pajakan Negeri	2,774	622,418.20	605,212.30	1,227,630.50
024	Pajakan Mukim	790	68,495.50	97,697.60	166,193.10
028	QT (M)	10	1,455.00	11,307.00	12,762.00
029	QT(R)	2	1,064.00	7,419.60	8,483.60
Jumlah		75,081	7,457,987.52	21,871,630.56	29,329,618.08

Sumber: PTJ Kota Bharu

1.4.2.3. Analisis Audit seterusnya terhadap 75,081 hak milik tertunggak di PTJ Kota Bharu mendapati sebanyak 62,328 hak milik tertunggak antara 1 hingga 10 tahun, 8,128 antara 11 hingga 20 tahun, 3,419 antara 21 hingga 30 tahun, 892 antara 31 hingga 40 tahun dan 314 hak milik tertunggak melebihi 40 tahun. Ini menunjukkan masih banyak hak

milik yang telah lama tertunggak masih belum diselesaikan. Keterangan lanjut seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Tunggakan Mengikut Tempoh di PTJ Kota Bharu

Tempoh Tunggakan	Bil Hak Milik	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
Lebih 50 Tahun	1	1,425.00	60,950.70	62,375.70
41 Hingga 50 Tahun	313	49,953.80	1,279,099.40	1,329,053.20
31 hingga 40 tahun	892	324,419.00	4,137,086.00	4,461,505.00
21 Hingga 30 Tahun	3,419	1,302,359.22	9,186,355.86	10,488,715.08
11 Hingga 20 Tahun	8,128	1,494,777.00	4,003,797.50	5,498,574.50
1 Hingga 10 Tahun	62,328	4,285,053.50	3,204,341.10	7,489,394.60
Jumlah	75,081	7,457,987.52	21,871,630.56	29,329,618.08

Sumber: PTJ Kota Bharu

1.4.2.4. Bagi PTJ Tanah Merah hasil analisis terhadap data SPHT mendapati sebanyak 22,631 hak milik mempunyai jumlah tunggakan RM7.86 juta. Ia merangkumi tunggakan cukai tanah sejumlah RM2.18 juta dan denda sejumlah RM5.68 juta. Daripada jumlah itu, 249 hak milik yang tertunggak adalah hak milik lama iaitu AA, EMR, MAA, NEMR, PL dan QT (M). Keterangan lanjut seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Tunggakan Cukai Tanah Dan Denda Di PTJ Tanah Merah

Kod Hak Milik	Jenis Hak Milik	Bil Hak Milik	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tertunggak (RM)
001	AA	163	65,764.60	1,134,631.30	1,200,395.90
007	EMR	12	2,459.00	23,628.05	26,087.05
008	EDR	5	1,928.10	35,990.50	37,918.60
010	GRN	1,779	214,332.00	340,164.40	554,496.40
011	GM	13,040	1,143,426.40	2,788,082.25	3,931,508.65
012	HSM	4,141	332,966.10	654,172.20	987,138.30
013	HSD	623	139,335.40	115,183.60	254,519.00
014	MAA	3	2,641.60	17,743.60	20,385.20
019	NEMR	4	542.80	4,358.00	4,900.80
021	PL	34	22,733.30	258,089.25	280,822.55
023	PN	161	33,490.00	21,401.80	54,891.80
024	PAJAKMUKIM	2,638	220,728.60	251,366.90	472,095.50
028	QT (M)	28	3,325.40	33,927.50	37,252.90
Jumlah		22,631	2,183,673.30	5,678,739.35	7,862,412.65

Sumber: Data SPHT PTJ Tanah Merah

1.4.2.5. Analisis Audit seterusnya mendapati 20,060 hak milik tertunggak antara 1 hingga 10 tahun melibatkan tunggakan cukai tanah dan denda sejumlah RM2.38 juta, 1,678 hak milik antara 11 hingga 20 tahun, 690 hak milik antara 21 hingga 30 tahun, 170

hak milik antara 31 hingga 40 tahun dan selebihnya 33 hak milik tertunggak melebihi 40 tahun. Keterangan lanjut seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Tunggakan Mengikut Tempoh Di PTJ Tanah Merah

Tempoh Tunggakan	Bil. Hak Milik	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
Lebih 40 Tahun	33	36,208.90	1,011,282.45	1,047,491.35
31 Hingga 40 Tahun	170	57,817.70	717,115.40	774,933.10
21 Hingga 30 Tahun	690	289,591.70	1,906,524.80	2,196,116.50
11 Hingga 20 Tahun	1,678	392,674.00	1,068,549.30	1,461,223.30
1 Hingga 10 Tahun	20,060	1,407,381.00	975,267.40	2,382,648.40
Jumlah	22,631	2,183,673.30	5,678,739.35	7,862,412.65

Sumber: PTJ Tanah Merah

1.4.2.6. Sebanyak 750 hak milik yang tertunggak melebihi 3 tahun dan melebihi RM2,000 telah dipilih sebagai sampel untuk auditan terperinci. Ia meliputi 211 hak milik PTG bagi kedua-dua PTJ, 252 hak milik di PTJ Kota Bharu dan 287 hak milik yang didaftarkan di PTJ Tanah Merah. Kesemua sampel melibatkan jumlah tunggakan RM13.73 juta. Ia merangkumi tunggakan cukai tanah sejumlah RM1.78 juta dan tunggakan denda sejumlah RM11.95 juta. Keterangan lanjut seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Sampel Audit Mengikut Hak Milik

Hak Milik	Bil Sampel	Tunggakan Cukai (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
Pendaftar di Kota Bharu	198	833,835.60	5,312,735.80	6,146,571.40
PTJ Kota Bharu	252	566,424.00	3,535,630.10	4,102,054.10
Jumlah	450	1,400,259.60	8,848,365.90	10,248,625.50
Pendaftar di Tanah Merah	13	21,477.00	95,383.50	116,860.50
PTJ Tanah Merah	287	360,208.50	3,002,016.50	3,362,225.00
Jumlah	300	381,685.50	3,097,400.00	3,479,085.50
Jumlah Keseluruhan	750	1,781,945.10	11,945,765.90	13,727,711.00

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.2.7. Hasil semakan Audit terhadap 750 tunggakan di PTJ Kota Bharu dan PTJ Tanah Merah dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu 181 hak milik yang tertunggak dikategorikan kepada Tanah Rizab Kegunaan Awam yang tidak diserahkan kepada Kerajaan. Tiga hak milik melibatkan pemegang amanah bagi tapak sekolah, 102 hak milik melibatkan tanah jenis hak milik lama, 114 hak milik bagi tanah berstatus gadaian, 40 kes melibatkan tiada maklumat nombor kad pengenalan pemilik pada geran. Selain itu, 59 hak milik melibatkan pemilik yang ramai, 15 kes melibatkan tanah-tanah milik Agensi Kerajaan, 55 kes melibatkan hak milik yang telah batal/tidak wujud pada sistem SPTB, 23 kes melibatkan tanah syarikat yang tidak dibayar, 4 kes melibatkan tanah yang telah

tamat tempoh pajakan dan 154 kes bagi lain-lain hak milik yang mempunyai seorang pemilik tunggal. Didapati daripada 750 sampel tersebut hanya 61 hak milik sahaja yang telah dikeluarkan Notis Tuntutan (Notis 6A) iaitu pada bulan November 2015. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Penyebab Kepada Tunggakan

Bil.	Penyebab	Bil. Hak Milik	Tunggakan Cukai (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)	Notis 6A
1.	Tanah Rizab Untuk Kegunaan Awam	181	538,692.30	3,364,834.70	3,903,527.00	21
2.	Pemegang Amanah bagi Tapak Sekolah	3	236,513.00	1,944,718.20	2,181,231.20	3
3.	Jenis Hak Milik Lama	102	109,981.90	1,516,651.60	1,626,633.50	-
4.	Tanah Gadaian	114	238,023.50	1,064,341.50	1,302,365.00	17
5.	Tiada Nombor Kad Pengenalan Pemilik	40	65,383.50	940,514.70	1,005,898.20	1
6.	Pemilik Ramai	59	94,595.50	563,560.80	658,156.30	2
7.	Agensi Kerajaan	15	67,197.20	440,068.80	507,266.00	1
8.	Hak Milik Batal/Tidak Wujud di SPTB	55	72,864.10	400,622.30	473,486.40	-
9.	Tanah Syarikat	23	84,032.00	241,807.00	325,839.00	-
10.	Telah Tamat Tempoh Pajakan	4	4,091.60	28,610.90	32,702.50	1
11.	Pemilik Individu Tunggal Selain Kategori di atas	154	270,570.50	1,440,035.40	1,710,605.90	15
Jumlah		750	1,781,945.10	11,945,765.90	13,727,711.00	61

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Tanah Rizab Awam Tidak Diserah Balik Kepada Kerajaan

- i. Arahan Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan Bil. 2 Tahun 1998 menghendaki supaya lot-lot tanah kegunaan awam seperti tapak surau, tangki air, tapak pencawang elektrik, tanah lapang dan lain-lain lagi hasil daripada pecah sempadan tanah diserah balik kepada kerajaan oleh tuan-tuan tanah.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 181 hak milik yang tertunggak adalah melibatkan tanah rizab untuk kegunaan awam yang belum diserah balik kepada kerajaan. Ia merangkumi 140 hak milik di Kota Bharu dan 41 hak milik di Tanah Merah melibatkan tanah rizab awam seperti tapak pencawang elektrik, tanah lapang, tangki air/loji, surau, jalan, dan tapak sistem rawatan najis dan lain-lain. Di Kota Bharu ia melibatkan tunggakan cukai tanah sejumlah RM423,164 dan tunggakan denda sejumlah RM2,789,805. Di PTJ Tanah Merah pula melibatkan tunggakan cukai tanah sejumlah RM115,528 dan denda RM575,030 melibatkan tempoh tunggakan antara 9 hingga 34 tahun seperti di **Jadual 1.10**. Contoh hak milik yang tertunggak seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.10
Tunggakan Bagi Tanah Rizab Awam

Syarat Nyata	Bil Hak Milik	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
PTJ Kota Bharu				
Pencawang Elektrik	108	376,546.00	2,495,504.20	2,872,050.20
Tanah Lapang	2	1,391.00	4,453.40	5,844.40
Tangki Air/Loji	21	30,377.00	221,278.40	251,655.40
Surau	3	1,061.50	8,273.40	9,334.90
Jalan	2	3,489.80	23,705.00	27,194.80
Tapak Sekolah	1	2,400.00	6,896.10	9,296.10
Masjid	1	2,799.00	3,205.40	6,004.40
Tapak Sistem Rawatan Najis	1	1,350.00	1,546.20	2,896.20
Tapak Pembuangan Sampah	1	3,750.00	24,942.70	28,692.70
Jumlah	140	423,164.30	2,789,804.80	3,212,969.10
PTJ Tanah Merah				
Pencawang Elektrik	38	114,368.00	564,175.90	678,543.90
Surau	2	840.00	7,238.50	8,078.50
Tangki Air/Loji	1	320.00	3,615.50	3,935.50
Jumlah	41	115,528.00	575,029.90	690,557.90
Jumlah Keseluruhan	181	538,692.30	3,364,834.70	3,903,527.00

Sumber: Data SPHT dan carian rasmi PTJ Kota Bharu dan Tanah Merah

Jadual 1.11
Sebahagian Daripada Hak Milik Yang Tertunggak Melibatkan Tanah Rizab Kegunaan Awam

Bil.	No. Hak Milik	Mukim	Dari Tahun	Tempoh Tunggakan (Tahun)	Syarat Nyata	Kadar Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah (RM)
1.	GM1043	Telok Bharu	1982	34	Tapak Pencawang Elektrik	150	4,450.00	48,678.30	53,128.30
2.	GM2322	Panchor	1983	33	Jana Elektrik	150	4,350.00	44,146.90	48,496.90
3.	GM1740	Baung	1983	33	Tangki Air/Loji	102	2,999.00	19,141.20	22,140.20
4.	GM1739	Baung	1983	33	Tapak Pencawang Elektrik	150	4,350.00	44,152.90	48,502.90
5.	GM1578	Maka	1984	32	Surau	10	320.00	3,615.50	3,935.50
6.	GM684	Tjg Chat	1984	32	Tangki Air	35	1,120.00	12,429.50	13,549.50
7.	HSM131	Badak Mati	1984	32	Tangki Air/Loji	59	1,723.00	16,964.30	18,687.30
8.	GM1580	Maka	1984	32	Tangki Air/Loji	10	320.00	3,615.50	3,935.50
9.	GM132	Badak Mati	1984	32	Tapak Pencawang Elektrik	150	4,250.00	40,113.10	44,363.10
10.	GM77	Buluh Poh	1984	32	Tapak Pencawang Elektrik	150	4,250.00	40,113.10	44,363.10
11.	HSM62	Langgar	1985	31	Jalan	17	369.80	2,161.20	2,531.00
12.	GM3348	Guntong	1985	31	Tangki Air	35	1,085.00	11,143.50	12,228.50
13.	GM3222	Maka	1987	29	Tanah Lapang	25	725.00	6,436.90	7,161.90
14.	HSD5847	Kpg Sireh	2007	9	Tapak Sistem Rawatan Najis Berpusat	150	1,350.00	1,546.20	2,896.20
15.	GM161	Mahang East	1987	29	Tangki Air	150	3,950.00	30,133.90	34,083.90
Jumlah						1,343	35,611.80	324,392.00	360,003.80

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Perkara ini berlaku kerana pemilik tanah sudah tidak mempunyai kepentingan terhadap tanah jenis ini kerana ia dalam proses diserahkan balik kepada Kerajaan. Bagi pihak PTJ proses serah balik terhenti kerana pemilik tanah tidak menyerahkan borang 12(A) untuk pembatalan hak milik. Perkara ini menyebabkan tunggakan hasil cukai tanah dan denda akan terus meningkat sekiranya ia tidak diselesaikan.

Pada pendapat Audit, penggunaan notis tuntutan (Notis 6A) dan notis perampasan (Notis 8A) perlu dikuatkuasakan dan diperluaskan bagi semua tanah rizab kegunaan awam yang belum diserahkan kepada kerajaan untuk menyelesaikan tunggakan hasil cukai tanah.

b. Pemegang Amanah Bagi Tapak Sekolah

- i. Semakan Audit pada laporan tunggakan di PTJ Kota Bharu mendapati 3 hak milik mempunyai jumlah tunggakan cukai tanah dan denda yang tinggi iaitu sejumlah RM2.18 juta. Ia merangkumi cukai tanah sejumlah RM236,813 dan denda sejumlah RM1.94 juta seperti di **Jadual 1.12**.

Jadual 1.12
Tunggakan Cukai Tanah Bagi 3 Hak Milik Di PTJ Tanah Merah

Bil.	No. Hak Milik	Mukim	No Lot	Cukai Tanah Semasa (RM)	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	GRN 26438	Seksyen 4	369	7,638.00	211,618.00	1,737,629.60	1,949,247.60
2.	GRN 29756	Seksyen 4	24	477.00	13,193.00	108,447.70	121,640.70
3.	GRN 29753	Seksyen 4	23	434.00	12,002.00	98,640.90	110,642.90
Jumlah				8,549.00	236,813.00	1,944,718.20	2,181,531.20

Sumber: Data SPHT PTJ Kota Bharu

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati ketiga-tiga hak milik ini dimiliki oleh 3 orang individu sebagai pemegang amanah kepada sebuah sekolah. Cukai tanah yang dikenakan tidak dibayar sejak tahun 1987 menyebabkan ianya tertunggak menjadi RM236,813 dan jumlah denda yang tinggi iaitu RM1.94 juta. Didapati notis tuntutan (Notis 6A) telah disampaikan kepada pemilik pada 14 Disember 2015. Bagaimanapun tindakan seterusnya masih belum diputuskan kerana masih dalam proses perbincangan dengan pemilik tanah.

c. Tanah Jenis Hak Milik Lama

- i. Hasil semakan Audit juga mendapati sebanyak 6 hak milik tertunggak di PTJ Kota Bharu dan 96 hak milik tertunggak di PTJ Tanah Merah adalah hak milik lama yang didaftarkan pada SPHT sebelum SPTB dilaksanakan pada tahun 2001. Ia terdiri daripada jenis hak milik *Aplication Approve (AA)*, *QTM*, *QTR*, *Grant*, *EMR*, *EDR*, *MAA*, *PL* dan *SI* seperti di **Jadual 1.13** dan **Jadual 1.14**. Jenis hak milik lama sepatutnya ditukar kepada jenis hak milik baru seperti GM, HSM, PM, GRN, HSD atau PN.

Jadual 1.13
Tunggakan Melibatkan Jenis Hak Milik Lama Di Kota Bharu

Kod Hak Milik	Jenis Hak Milik	Bil.	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
001	AA	1	596.00	4,124.30	4,720.30
028	QT(M)	1	524.00	3,483.90	4,007.90
029	QTR	2	1,064.00	7,419.60	8,483.60
009	Grant	2	3,360.00	6,343.80	9,703.80
Jumlah		6	5,544.00	21,371.60	26,915.60

Sumber: Data SPHT PTJ Kota Bharu

Jadual 1.14
Tunggakan Melibatkan Jenis Hak Milik Lama Di Tanah Merah

Kod Hak Milik	Jenis Hak Milik	Bil.	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
001	AA	52	51,295.80	1,015,516.95	1,066,812.75
007	EMR	22	27,153.50	172,357.30	199,510.80
008	EDR	2	1,635.50	32,956.40	34,591.90
014	MAA	1	2,416.00	16,637.90	19,053.90
021	PL	16	20,596.10	243,996.15	264,592.25
032	SI	3	1,341.00	13,815.30	15,156.30
Jumlah		96	104,437.90	1,495,280.00	1,599,717.90

Sumber: Data SPHT PTJ Tanah Merah

- ii. Semakan Audit mendapati jenis hak milik lama tiada dalam sistem SPTB menyebabkan pihak PTJ sukar untuk mengesan pemilik tanah. Maklumat pemilik bagi hak milik jenis ini ada pada rekod pendaftaran, bagaimanapun ia tidak lengkap dari segi nombor kad pengenalan, alamat pemilik serta lokasi tanah. Pihak PTJ hanya boleh menukar jenis hak milik kepada hak milik baru apabila ada permohonan daripada pemilik tanah.

d. Tanah Gadaian

- i. Menurut Seksyen 249(3) KTN, cukai tanah perlu dibayar walaupun tanah telah digadai. Semakan Audit mendapati 94 daripada 450 tunggakan di PTJ Kota Bharu dan 20 daripada 300 tunggakan di PTJ Tanah Merah melibatkan status tanah yang digadai. Antara pemegang gadaian adalah Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan, bank-bank konvensional dan orang perseorangan. Didapati pemilik tanah tidak membuat bayaran kerana menganggap cukai tanah akan dibayar oleh pihak pemegang gadaian sedangkan tanggungjawab membayar cukai tanah adalah terletak kepada pemilik tanah itu sendiri. Terdapat tanah yang digadai mula tertunggak pada tahun ianya didaftarkan sebagai gadaian pada dokumen hak milik, contohnya seperti di **Jadual 1.15**.

Jadual 1.15
Tunggakan Cukai Tanah Melibatkan Gadaian

No. Hak Milik	Mukim	No K/P Pemilik	Tarikh Daftar Gadaian	Dari	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Pemegang Gadaian
HSD 302/78	Baung	3759178	21.04.1983	1983	1,140.00	13,342.50	Malayan Building Society Bhd
HSD 730/82	Guntong	3612485	25.06.1985	1986	300.00	2,903.40	Kementerian Kewangan
GRN 15974	Mahang West	4497829	10.11.1990	1991	384.00	2,381.50	Kementerian Kewangan
GRN 16003	Mahang West	5026479	08.11.1991	1992	305.00	1,809.20	Kementerian Kewangan
GRN 30882	Sksy 17	7140475	01.10.1989	1990	2,040.00	13,324.90	Kementerian Kewangan
GRN 12682	Sksy 27	570316-03-5408	09.10.1995	1996	2,260.00	9,464.80	RHB Bank
HSM 116	Badak Mati	5949673	23.07.1983	1984	320.00	3,615.50	United Malayan Banking Corp. Bhd.
PM 1	Badang	4175177	29.01.1989	1989	744.50	5,198.50	Kementerian Kewangan
GM 1192	Demit	4691768	26.11.1979	1979	740.00	12,125.80	BBMB (CIMB)
GM 127	Guntong	7665182	11.05.1985	1985	1,085.00	11,045.50	MBB
GM 195	Kpg Sireh	780107-03-5925	06.06.2005	2006	6,680.00	8,918.20	Bank Rakyat
GM 268	Kpg Sireh	830111-03-5453	25.07.2005	2006	6,160.00	8,223.90	Bank Rakyat
GM1275	Pintu Geng	820602-03-5977	25.07.2005	2006	6,920.00	9,238.40	Bank Rakyat
GM 906	Pintu Geng	800703-03-5871	02.06.2005	2006	6,800.00	9,078.20	Bank Rakyat
GM 2273	Pintu Geng	850505-03-6385	08.06.2005	2006	5,910.00	7,890.40	Bank Rakyat
GM 2279	Pintu Geng	851228-03-5177	02.06.2005	2006	5,100.00	6,809.10	Bank Rakyat
GM 2277	Pintu Geng	710820-03-5337	02.06.2005	2006	4,620.00	6,168.10	Bank Rakyat

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Semakan Audit mendapati PTJ tidak menghantar bil cukai dan surat peringatan kepada pemilik tanah selepas proses gadaian berlaku. Keadaan ini menyebabkan tunggakan cukai terhadap tanah yang digadai akan terus meningkat sekiranya kes baru dan kes lama tidak diambil tindakan yang sewajarnya. Berdasarkan maklumat nombor kad pengenalan pemilik, pihak PTJ boleh mendapatkan alamat terkini pemilik melalui semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara atau melalui pemegang gadaian yang terdiri daripada institusi kerajaan dan swasta.

e. Tiada Nombor Kad Pengenalan Pemilik

Semakan Audit mendapati 40 daripada 750 sampel tunggakan cukai tanah adalah melibatkan hak milik yang tiada maklumat nombor kad pengenalan pemilik. Ia melibatkan 31 hak milik di PTJ Kota Bharu dan 9 hak milik di PTJ Tanah Merah dengan nilai tunggakan cukai tanah sejumlah RM65,384 dan tunggakan denda sejumlah RM1 juta. Didapati ia telah tertunggak antara 23 hingga 47 tahun. Pihak PTJ atau PTG tidak dapat mengeluarkan notis 6A kerana tidak dapat mengenal pasti alamat dan identiti pemilik sebenar. Perkara ini berlaku kerana kelemahan pihak PTJ tidak merekodkan maklumat nombor kad pengenalan pemilik semasa peringkat awal urusan pendaftaran hak milik.

f. Pemilik Ramai

Semakan Audit mendapati 26 tunggakan di PTJ Kota Bharu dan 33 di PTJ Tanah Merah melibatkan tanah yang dimiliki oleh ramai pemilik. Pemilik tidak dapat dihubungi akibat masalah alamat yang tidak lengkap dan ada di antara pemilik tanah yang sudah meninggal dunia. Didapati hanya 2 daripada 26 hak milik di PTJ Kota Bharu sahaja yang telah dikeluarkan Notis 6A, baki 24 hak milik di PTJ Kota Bharu dan kesemua 33 hak milik di PTJ Tanah Merah masih belum dikeluarkan Notis 6A walaupun cukai tanah telah tertunggak sehingga 50 tahun.

g. Tanah Milik Agensi Kerajaan

Semakan Audit juga mendapati 15 daripada 750 hak milik yang tertunggak melibatkan tanah yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan. Antara Agensi kerajaan yang terlibat adalah PKINK, MAIK, Majlis Daerah Ketereh dan Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain. Ia melibatkan tunggakan cukai tanah antara 4 hingga 50 tahun dengan jumlah tunggakan cukai tanah RM67,197 dan tunggakan denda sejumlah RM440,069 seperti di **Jadual 1.16**. Semakan selanjutnya mendapati hanya satu daripada 15 hak milik yang telah dikeluarkan Notis 6A iaitu HSD 215/78 pada 10 Ogos 2009, bagaimanapun bayaran tidak diterima dan tindakan merampas tanah dengan mengeluarkan Notis 8A tidak diteruskan.

Jadual 1.16
Tunggakan Cukai Tanah Melibatkan Agensi Kerajaan

Bil.	Nombor Hak Milik	Mukim	Tempoh Tunggakan (Tahun)	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	GM 1128	Demit	50	150.00	8,219.50	8,369.50
2.	HSM 7	But	39	29,823.00	314,876.60	344,699.60
3.	PN 3834	Chicha	26	3,650.00	21,820.90	25,470.90
4.	PN 3886	Kenali	16	689.00	2,861.90	3,550.90
5.	GRN 15542	Sksy 9	26	2,600.00	17,921.00	20,521.00
6.	GM 963	Ketereh East	36	124.20	2,466.20	2,590.40
7.	GM 1283	Guntong	31	179.00	2,005.60	2,184.60
8.	HSD 138/79	Sksy 9	20	2,000.00	8,352.00	10,352.00
9.	GRN 31435	Mahang West	21	735.00	3,372.70	4,107.70
10.	HSD 242/88	Pdg Enggang	7	5,789.00	4,736.70	10,525.70
11.	HSD 215/78	Pkln Chepa	27	3,750.00	24,950.60	28,700.60
12.	GM 1899	Baung	27	1,674.00	10,017.50	11,691.50
13.	HSD 716	Kemumin	3	4,470.00	1,480.30	5,950.30
14.	PN 6378	Kemumin	4	2,672.00	1,164.10	3,836.10
15.	HSD 1787	Sksy 22	12	8,892.00	15,823.20	24,715.20
Jumlah				67,197.20	440,068.80	507,266.00

Sumber: Jabatan Audit Negara

h. Hak Milik Batal Atau Tidak Wujud Pada Sistem SPTB Masih Dikenakan Cukai

- i. Setiap tanah yang diberi milik mestilah dikenakan bayaran cukai tanah mengikut rekod pendaftaran yang sah. Semakan Audit mendapati 55 daripada 750 hak milik yang tertunggak adalah hak milik yang telah batal atau tidak wujud di sistem SPTB. Ia merangkumi 31 hak milik di PTJ Kota Bharu melibatkan tunggakan cukai tanah dan denda sejumlah RM281,509 dan 24 hak milik di PTJ Tanah Merah melibatkan jumlah tunggakan cukai tanah dan denda sejumlah RM191,977 seperti di **Jadual 1.17**. Didapati tempoh tunggakan bagi hak milik ini antara 4 hingga 50 tahun menunjukkan ianya telah lama wujud tanpa disedari oleh pihak PTJ.

Jadual 1.17
Hak Milik Batal/Tidak Wujud Dalam SPTB
Yang Masih Dikenakan Cukai

PTJ	Bil Kes	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
Kota Bharu	31	45,511.10	235,997.90	281,509.00
Tanah Merah	24	27,353.00	164,624.40	191,977.40
Jumlah	55	72,864.10	400,622.30	473,486.40

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Keadaan ini berlaku disebabkan hak milik yang sepatutnya dibatalkan pada sistem SPHT masih lagi aktif. Sistem SPTB dan SPHT yang tiada integrasi menyebabkan setiap perubahan maklumat perlu dikemaskini secara berasingan pada kedua-dua sistem. Dokumen perubahan maklumat dari Bahagian Pendaftaran yang tidak sampai ke Bahagian Hasil menyebabkan ianya tidak dikemas kini pada sistem SPHT. Selain itu ia juga disebabkan kesilapan memasukkan data pada sistem SPHT oleh pengendali sistem. **Maklum balas PTJ Kota Bharu dan PTJ Tanah Merah bertarikh 31 Julai 2016, kesemua hak milik yang telah dibatalkan/tidak wujud di SPTB telah dibuat pemutihan dalam SPHT. Selain itu pembersihan data secara manual dilakukan secara berterusan.**

Pada pendapat Audit, kedua-dua sistem perlu berinteraksi antara satu sama lain bagi memastikan data-data hak milik adalah sahih.

i. Tanah Milik Syarikat

Semakan Audit mendapati 23 kes tunggakan di PTJ Kota Bharu adalah melibatkan tanah milik Syarikat Swasta. Ia melibatkan tunggakan cukai tanah sejumlah RM84,032 dan tunggakan denda sejumlah RM241,807 yang telah tertunggak antara 5 hingga 36 tahun. Didapati 13 daripada 23 hak milik tersebut dimiliki oleh 2 buah syarikat masing-masing dengan 7 hak milik dan 6 hak milik. Kedua-dua syarikat ini

masih lagi aktif menjalankan aktiviti di sekitar Kota Bharu. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.18**.

Jadual 1.18
Tunggakan Melibatkan Hak Milik Syarikat Swasta Di PTJ Kota Bharu

Bil.	Jenis Hak Milik	No. Hak Milik	Mukim	No Lot	Tempoh Tunggakan (Tahun)	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)
1.	PN	9012	K. Kerian	825	17	510.00	1,639.40
2.	GRN	28063	Demit	1870	13	3,172.00	6,403.40
3.	HSD	346/77	Kemumin	101	26	8,176.00	50,951.00
4.	PN	6361	Kemumin	3128	8	6,765.00	6,582.50
5.	HSD	8141	Kpg Sireh	714	5	4,560.00	2,511.70
6.	HSD	7254	Pintu Geng	1475	5	13,020.00	7,170.90
7.	HSD	8139	Pintu Geng	961	5	8,480.00	4,670.60
8.	HSD	275/77	Sksy 25	45	36	4,350.00	50,082.80
9.	PN	2388	Sksy 27	1226	27	2,700.00	20,148.10
10.	GM	280	Badang	58	36	157.00	2,464.40
11.	GM	281	Badang	816	34	185.00	2,317.70
12.	HSM	864	Baung	1126	16	560.00	1,615.60
13.	HSM	865	Baung	1127	16	560.00	1,615.60
14.	HSM	867	Baung	1129	16	560.00	1,615.60
15.	HSM	872	Baung	1134	16	560.00	1,615.60
16.	HSM	902	Baung	1164	16	560.00	1,615.60
17.	HSM	927	Baung	1189	16	560.00	1,615.60
18.	HSM	949	Baung	1211	16	560.00	1,615.60
19.	HSM	63	Kpg Sireh	81	11	6,050.00	9,351.90
20.	HSM	62	Kpg Sireh	80	11	5,753.00	8,893.00
21.	HSM	64	Kpg Sireh	82	11	5,544.00	8,570.10
22.	HSD	1506	Panchor	677	6	7,290.00	4,941.60
23.	HSD	327/77	Sksy 11	102	34	3,400.00	43,798.70
Jumlah						84,032.00	241,807.00

Sumber: Jabatan Audit Negara

j. Hak Milik Yang Telah Tamat Tempoh Pajakan

Semakan Audit mendapati 4 kes tunggakan berjumlah RM32,975 di PTJ Tanah Merah adalah melibatkan tanah yang telah tamat tempoh pajakan. Tempoh Pajakan 33 tahun bagi 3 hak milik berakhir pada 20 Disember 2014, manakala satu hak milik lagi berakhir pada 13 Mac 2015 seperti di **Jadual 1.19**. Didapati 3 hak milik yang tidak dijelaskan cukai tanah selama 33 tahun menunjukkan ianya tidak dibayar sejak peringkat awal diberi milik. Perkara ini berlaku kerana pihak PTJ Tanah Merah tidak menguatkuasakan arahan pengeluaran notis 6A dengan segera selepas tanah yang diberi pajakan mempunyai tunggakan cukai tanah selepas tempoh tertentu.

Jadual 1.19
Tunggakan Melibatkan Hak Milik Yang Telah Tamat Tempoh Pajakan Di PTJ Tanah Merah

Bil.	No. Hak Milik	Daerah	Tempoh Tunggakan (Tahun)	Tarikh Tamat Tempoh Pajakan	Cukai Tanah SPHT (RM)	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)	Jumlah (RM)
1.	PM51	Kusial	33	20.12.2014	40.00	1,320.00	15,701.90	17,061.90
2.	PM56	Kusial	33	13.03.2015	20.00	604.00	6,716.50	7,340.50
3.	PM55	Kusial	33	20.12.2014	12.00	367.60	4,131.20	4,510.80
4.	PM54	Kusial	9	20.12.2014	200.00	1,800.00	2,061.30	4,061.30
Jumlah					272.00	4,091.60	28,610.90	32,974.50

Sumber: Jabatan Audit Negara

k. Hak Milik Individu Tunggal

- i. Semakan Audit juga mendapati 154 daripada 750 hak milik yang tertunggak adalah melibatkan tanah individu yang dimiliki oleh seorang pemilik tunggal. Ia merangkumi 88 hak milik di PTJ Kota Bharu dan 66 hak milik di PTJ Tanah Merah dengan tempoh tunggakan antara 5 hingga 44 tahun. Didapati hanya 14 daripada 88 hak milik di Kota Bharu telah dikeluarkan Notis 6A, manakala di Tanah Merah pula hanya satu daripada 66 hak milik sahaja yang telah dikeluarkan notis 6A. Berdasarkan maklumat nombor kad pengenalan pemilik, pihak PTJ boleh mendapatkan maklumat terkini melalui Suruhanjaya Pilihan Raya atau Jabatan Pendaftaran Negara. Selain itu peranan Penghulu atau Penggawa juga perlu diperkasakan untuk mengesan pemilik/pewaris untuk membayar cukai tanah.
- ii. Maklumat data hak milik dan cukai tanah yang tidak tepat menyebabkan rekod tunggakan hasil tidak menggambarkan kedudukan sebenar. Selain itu, tindakan memindah milik tanah rizab awam dan mengesan pemilik tanah yang masih lagi aktif tidak dibuat. Maklumat pendaftaran tanah yang tidak lengkap telah menyukarkan tindakan PTJ untuk mengesan pembayar cukai.

1.4.3. Data Hak Milik Tidak Selari Antara SPHT Dan SPTB

1.4.3.1. Sistem SPTB dibangunkan untuk segala urusan berkaitan pendaftaran tanah dan Sistem SPHT dibangunkan untuk urusan berkaitan pentadbiran hasil cukai tanah. Kedua-dua sistem tidak berhubung antara satu sama lain dan sebarang maklumat perlu dikemas kini secara berasingan. Data SPTB dan SPHT mestilah tepat, selari dan terkini. Semua hak milik berdaftar di PTJ atau PTG mestilah dimasukkan pada sistem SPTB dan SPHT bagi memudahkan segala urusan berkaitan maklumat tanah.

1.4.3.2. Pihak Audit telah memuat turun data SPTB bagi PTJ Kota Bharu, PTJ Tanah Merah dan PTG serta data SPHT bagi kedua-dua PTJ. Dalam usaha untuk menggabungkan data SPHT dan SPTB bagi semua jenis hak milik di kedua-dua PTJ terdapat masalah teknikal terhadap data SPTB PTG yang dimuat turun. Oleh yang

demikian, hanya jenis hak milik yang didaftarkan di Jajahan iaitu GM, HSM dan PM sahaja yang dapat dianalisis. Hak milik negeri yang didaftarkan di PTG iaitu GRN, HSD dan PN tidak dapat dianalisis. Berdasarkan analisis Audit menggunakan ACL, terdapat 3,118 hak milik di SPHT tidak selari dengan hak milik di SPTB bagi PTJ Kota Bharu melibatkan cukai tanah semasa sejumlah RM60,809. Ia merangkumi 1,670 hak milik jenis GM, 1,436 hak milik jenis HSM dan 12 hak milik jenis PM seperti di **Jadual 1.20**.

Jadual 1.20
Data Hak Milik Yang Dikenakan Cukai di SPHT
Tidak Selari Dengan Data SPTB PTJ Kota Bharu mengikut Jenis Hak Milik

Bil.	Jenis Hak Milik	Bilangan Hak Milik	Cukai Tanah Semasa (RM)	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)
1.	GM	1,670	25,005.50	78,520.90	171,431.90
2.	HSM	1,436	35,672.00	61,533.70	196,882.00
3.	PM	12	131.00	349.00	238.80
Jumlah		3,118	60,808.50	140,403.60	368,552.70

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap 30 hak milik yang wujud di SPHT tidak selari dengan data SPTB di PTJ Kota Bharu mendapati 14 daripada 30 hak milik tiada maklumat atau telah dibatalkan pada SPTB dan 16 daripada 30 hak milik berbeza dari segi maklumat nombor lot. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.21**. Ini bermakna daripada 3,118 hak milik yang tidak selari tersebut sebahagian daripadanya perlu dihapuskan daripada sistem SPHT dan ada yang perlu diperbetulkan maklumat nombor lot bergantung kepada maklumat hak milik pada rekod pendaftaran.

Jadual 1.21
Bilangan Hak Milik Dikenakan Cukai di SPHT
Tidak Selari Dengan SPTB PTJ Kota Bharu

Bil.	Jenis Hak Milik	No. Hak Milik	Mukim	No. Lot	Tempoh Tunggakan	Status Pada SPTB
1.	GM	00001123	Panchor	000418	49	Batal
2.	HSM	00000004	Kemubu	AA1055	48	PT AA 10/55
3.	GM	00000864	Pulau Pisang	001015	45	Lot 1016
4.	GM	00001060	Mentuan	002768	42	Batal
5.	HSM	00000129	Padang Garong	000000	40	PT -
6.	HSM	00000074	Langgar	72/105	39	PT 72/1058
7.	HSM	00000079	Langgar	77/106	39	PT 77/1066
8.	HSM	00000002	Wakaf Siku	000007	39	PT Pitak 7
9.	HSM	00000013	Wakaf Siku	000005	39	PT Pitak 5
10.	HSM	00000019	Wakaf Siku	000006	39	PT 6/707
11.	HSM	00000087	Beting	000029	39	PT Pitak 29
12.	HSM	00000229	Padang Bongor	000004	39	PT Pitak 4
13.	HSM	00000234	Padang Bongor	000003	39	PT Pitak 3
14.	HSM	00000235	Padang Bongor	000004	39	PT Pitak 4
15.	GM	00001104	Bayang	000608	38	Lot 259
16.	GM	00000626	Tlk Kitang	000893	26	Tiada Maklumat
17.	GM	00000715	Jelutong	000637	26	Lot 3
18.	GM	00001507	Kenali	001964	26	Tiada Maklumat
19.	GM	00001742	Kenali	001606	26	Tiada Maklumat
20.	GM	00000509	Bayang	000049	26	Tiada Maklumat
21.	GM	00000108	Padang Garong	000401	26	Tiada Maklumat

Bil.	Jenis Hak Milik	No. Hak Milik	Mukim	No. Lot	Tempoh Tunggakan	Status Pada SPTB
22.	GM	00000500	Pauh	001095	26	Tiada Maklumat
23.	GM	00000644	Pauh	000354	26	Tiada Maklumat
24.	GM	00000241	Telok	001308	26	Tiada Maklumat
25.	GM	00000800	Telok	000404	26	Tiada Maklumat
26.	GM	00001092	Telok	000066	26	Tiada Maklumat
27.	GM	00000181	Becah Mulong	002664	26	Lot 2102
28.	GM	00000039	Melor	000278	26	Tiada Maklumat
29.	GM	00000106	Melor	001123	26	Lot 2386
30.	GM	00000504	Peringat	003023	26	Tiada Maklumat

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.4. Semakan Audit di PTJ Tanah Merah mendapati sebanyak 926 hak milik yang dikenakan cukai pada SPHT tidak selari dengan SPTB melibatkan cukai tanah semasa sejumlah RM21,979. Ia merangkumi 356 hak milik jenis GM, 534 hak milik jenis HSM dan 46 hak milik jenis PM seperti di **Jadual 1.22**.

Jadual 1.22
Bilangan Hak Milik Dikenakan Cukai di SPHT
Tidak Selari Dengan SPTB PTJ Tanah Merah

Bil.	Jenis Hak Milik	Bilangan Hak Milik	Cukai Tanah Semasa (RM)	Tunggakan Cukai Tanah (RM)	Tunggakan Denda (RM)
1.	GM	346	11,035.00	37,206.20	73,425.60
2.	HSM	534	9,630.00	43,730.00	201,680.50
3.	PM	46	1,314.00	2,114.00	1,567.70
Jumlah		926	21,979.00	83,050.20	276,673.80

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.5. Semakan Audit selanjutnya terhadap 15 hak milik yang tidak selari antara SPHT dan SPTB di PTJ Tanah Merah mendapati kesemua 15 hak milik telah dibatalkan atau tidak wujud pada sistem SPTB. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.23**.

Jadual 1.23
Status Bagi Hak Milik Tidak Selari Pada SPTB PTJ Tanah Merah

Bil.	Jenis Hak Milik	No. Hak Milik	Mukim	No. Lot	Tempoh Tunggakan (Tahun)	Status Di SPTB
1.	HSM	00044/77	Bendang Nyior	000779	38	Tiada Maklumat
2.	HSM	00001/72	Bukit Durian	000000	35	Tiada Maklumat
3.	HSM	00040/71	Bendang Nyior	040/71	34	Batal
4.	HSM	00071/77	Pasir Ganda	001187	32	Tiada Maklumat
5.	HSM	00316/78	Lawang	000000	31	Tiada Maklumat
6.	HSM	00110/77	Lawang	000449	29	Tiada Maklumat
7.	GM	00363000	Maka	001745	29	Tiada Maklumat
8.	HSM	00004/68	Maka	000000	29	Tiada Maklumat
9.	GM	00002111	Maka	000722	29	Batal
10.	GM	00001523	Maka	000808	29	Tiada Maklumat
11.	GM	00000025	Jedok	000070	28	Tiada Maklumat
12.	HSM	00160/76	Lawang	000000	28	Tiada Maklumat
13.	GM	00001053	Maka	001327	28	Tiada Maklumat
14.	HSM	00107/72	Pasir Ganda	000776	28	Tiada Maklumat
15.	HSM	00042/86	Batang Merbau	000176	28	Tiada Maklumat

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.6. Keadaan ini berlaku disebabkan sistem SPTB dan SPHT tidak berhubung antara satu sama lain menyebabkan data perlu dimasukkan secara berasingan pada kedua-dua sistem. Kesilapan memasukkan data oleh pengendali sistem menyebabkan wujud hak milik tidak selari antara kedua-dua sistem. Selain itu pergerakan fail dari Bahagian Pendaftaran yang tidak sampai kepada pengendali sistem Bahagian Hasil menyebabkan perubahan maklumat tanah tidak dikemas kini pada sistem SPHT. Data hak milik yang telah dibatalkan atau tidak wujud di SPTB menyebabkan data tunggakan hasil tidak menggambarkan kedudukan hasil sebenar yang patut dipungut dan perlu dihapuskan. Manakala bagi maklumat nombor lot yang tidak tepat boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna data.

1.4.3.7. **Maklum balas PTJ bertarikh 31 Julai 2016, memaklumkan pihak PTJ sedang melaksanakan integrasi data secara manual bagi mengesan perbezaan data hak milik antara SPTB dan SPHT setiap PTJ.**

Pada pendapat Audit, pihak PTJ perlu melakukan pembersihan data SPTB dan SPHT dengan segera bagi memastikan data hak milik adalah sahih dan laporan kedudukan tunggakan hasil adalah tepat. Selain itu pihak PTJ perlu mengesan pemilik atau pewaris tanah yang mempunyai tunggakan dan perlu menguatkuasakan undang-undang dan peraturan terhadap pemilik.

1.4.4. Bil Cukai Tidak Dihantar, Surat Pentadbiran Dan Notis 6A Yang Dihantar Tidak Sampai/Tiada Maklum Balas Daripada Pemilik Tanah

1.4.4.1. Mengikut Arahan PTG Kelantan Bil 1/2009 semua pentadbir tanah hendaklah menghantar bil cukai tanah kepada semua pemilik tanah. Semakan Audit mendapati kedua-dua PTJ tidak menghantar bil cukai tanah kepada pemilik tanah sebagaimana dikehendaki.

1.4.4.2. Menurut Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah (PT) Bil.1/2006, Pentadbir Tanah atas budi bicaranya boleh menghantar surat pentadbiran mengenai tunggakan cukai kepada pemilik tanah dan pihak berkepentingan. Mengikut syarat dalam surat pentadbiran, cukai tanah hendaklah dijelaskan tidak melebihi sebulan dari tarikh surat dikeluarkan. Sekiranya tunggakan tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, tindakan perundangan mengikut Seksyen 97 KTN dan Seksyen 100 KTN dikenakan.

1.4.4.3. Semakan Audit mendapati pada tahun 2014 hingga Mac 2016 pihak PTJ Kota Bharu telah mengeluarkan 3,535 surat pentadbiran melibatkan jumlah tunggakan cukai tanah RM2.45 juta kepada pemilik tanah. Daripada jumlah itu sebanyak 452 hak milik yang tertunggak telah dijelaskan melibatkan jumlah kutipan RM161,509 dan 13 hak milik dibatalkan kerana telah diserahkan balik kepada kerajaan. Bagaimanapun sebanyak 2,907 daripada 3,535 surat pentadbiran yang dihantar tiada maklum balas daripada pemilik tanah melibatkan jumlah tunggakan RM1.8 juta. Selain itu sebanyak 163 hak milik

melibatkan jumlah tunggakan RM171,047 dipulang balik kepada PTJ kerana pemilik tanah gagal dikesan. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.24**.

Jadual 1.24
Laporan Pengeluaran Surat Pentadbiran di PTJ Kota Bharu

Tahun	Hak Milik Dikeluarkan		Hak Milik Jelas		Hak Milik Dipulangkan		Hak Milik Batal		Baki	
	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)
2014	173	67,296.80	8	2,478.80	23	3,860.20	-	-	142	60,957.80
2015	1,650	1,848,019.80	335	138,058.30	102	148,865.00	13	301,405.80	1,200	1,259,690.70
Mac 2016	1,712	537,904.50	109	23,450.90	38	18,321.90	-	-	1,565	496,131.70
Jumlah	3,535	2,453,221.10	452	161,509.20	163	171,047.10	13	301,405.80	2,907	1,816,780.20

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.4.4. Bagi PTJ Tanah Merah pada tahun 2014 hingga Julai 2016 sebanyak 2,163 hak milik yang tertunggak telah dikeluarkan surat pentadbiran, ia merangkumi 2,061 hak milik pada tahun 2014, 37 hak milik tahun 2015 dan 65 hak milik sehingga Julai 2016. Daripada jumlah itu hanya 697 berjaya disampaikan dan sebanyak 1,466 dipulangkan atau tiada maklum balas daripada pemilik tanah. Keterangan lanjut seperti di **Jadual 1.25**. Menurut PTJ Tanah Merah, surat pentadbiran gagal disempurnakan kerana alamat tidak lengkap, pemilik tanah telah berpindah, pemilik telah meninggal dunia serta pemilik atau pewaris gagal dikesan.

Jadual 1.25
Laporan Pengeluaran Surat Pentadbiran di PTJ Tanah Merah

Tarikh	Bilangan		
	Surat Pentadbiran Dikeluarkan	Sempurna Bukti Penyampaian	Dipulangkan dan Tiada Maklum balas
2014	2,061	676	1,385
2015	37	3	34
Julai 2016	65	18	47
Jumlah	2,163	697	1,466

Sumber: Laporan Pengeluaran Surat Pentadbiran PTJ Tanah Merah

1.4.4.5. Seksyen 97 KTN menyatakan apabila hasil tanah terhutang, notis tuntutan dalam borang 6A hendaklah dihantar kepada semua tuan-tuan tanah yang berdaftar, dan semua pihak berkepentingan di atas tanah tersebut seperti pemajak, pemegang gadaian, pemegang lien, tenansi, pengkaveat, pemegang amanah, pentadbir Pesaka, pemegang surat kuasa dan pihak lain yang berkepentingan ke atas tanah tersebut. Semakan Audit di PTJ Kota Bharu mendapati pada tahun 2014 hingga Mac 2016 hanya 127 hak milik sahaja telah dikeluarkan notis tuntutan (Notis 6A). Ia merangkumi 33 hak milik pada tahun 2014, 58 hak milik pada tahun 2015 dan 36 hak milik pada tahun 2016 sehingga Mac. Daripada jumlah itu, 45 hak milik telah sempurna bukti penyampaian dan sebanyak 15 hak milik dijelaskan bayaran, 4 hak milik dibatalkan kerana bertindih dan hanya 4 hak milik diambil tindakan seterusnya iaitu merampas tanah (Notis 8A). Didapati sebanyak 51 hak milik tidak sempurna bukti penyampaian dan dikembalikan kepada PTJ kerana

alamat tidak lengkap, tanah kosong, pemilik telah berpindah, dan notis tidak dituntut. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 1.26**.

Jadual 1.26
Pengeluaran Notis 6A PTJ Kota Bharu 2014 Hingga Mac 2016

Tahun	Sempurna Bukti Penyampaian	Bukti Penyampaian Tidak Sempurna/ Dikembalikan	Bayaran Dijelaskan	Batal	Tunggu Bukti Penyampaian	Notis 8A	Jumlah	Nilai Tunggakan (RM)
2014	5	12	13	3	0	0	33	Tiada Maklumat
2015	28	26	0	0	0	4	58	1,295,614.80
Mac 2016	12	13	2	1	8	0	36	174,375.60
Jumlah	45	51	15	4	8	4	127	1,469,990.40

Sumber: Laporan Pengeluaran Notis 6A PTJ Kota Bharu

1.4.4.6. Surat Pentadbiran dan Notis 6A yang tidak sempurna bukti penyampaian dan dikembalikan adalah disebabkan pemilik tanah dan pihak berkepentingan gagal dikesan. Perkara ini disebabkan kelewatan pihak PTJ bertindak mengeluarkan notis tersebut. Semakan Audit mendapati Notis 6A mula dikeluarkan setelah cukai tanah tertunggak sejak sekian lama iaitu antara 5 hingga 39 tahun.

1.4.4.7. Bagi PTJ Tanah Merah pihak Audit tidak memperolehi maklumat berkaitan dengan laporan pengeluaran surat pentadbiran dan pengeluaran notis 6A sehingga tempoh pengauditan selesai.

Pada pendapat Audit, Notis 6A perlu dikeluarkan segera pada peringkat awal cukai tanah tertunggak supaya pemilik tanah dapat dikesan dan tunggakan cukai tanah dapat dijelaskan segera.

1.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Selain menyediakan kemudahan pembayaran cukai tanah secara *online* yang telah mendapat sambutan baik pembayar cukai, beberapa kelemahan dalam pengurusan hasil cukai tanah masih perlu dipertingkatkan. Adalah disyorkan PTG dan PTJ mengambil langkah-langkah berikut:

1.5.1. Pembersihan data dilakukan dengan segera bagi memastikan data-data dalam sistem SPHT bersamaan dengan sistem SPTB.

1.5.2. Tindakan diambil terhadap pemilik tanah yang mampu tetapi enggan menjelaskan cukai tanah dengan pengeluaran Notis 6A dan Notis 8A setelah beberapa peringatan dan rundingan dibuat.

MAJLIS DAERAH MACHANG MAJLIS DAERAH TUMPAT

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Tatacara Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan adalah daripada Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri.

2.1.2. Pada tahun 2014 hingga Mei 2016, Majlis Daerah Machang (MDM) dan Majlis Daerah Tumpat (MDT) telah melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM5.47 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 218 perolehan berjumlah RM2.78 juta dibuat melalui kaedah pembelian terus dan 62 perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berjumlah RM2.69 juta dilaksanakan melalui kaedah sebut harga. Kaedah pelaksanaan perolehan dan kos yang dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Perolehan Di MDM Dan MDT Bagi Tahun 2014 Hingga Mei 2016

PBT	Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Jumlah	
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
MDM	2014	75	1.26	9	0.41	84	1.67
	2015	51	0.93	19	0.84	70	1.77
	Mei 2016	2	0.04	6	0.61	8	0.65
Jumlah		128	2.23	34	1.86	162	4.09
MDT	2014	33	0.19	12	0.30	45	0.49
	2015	25	0.29	10	0.52	35	0.81
	Mei 2016	32	0.07	6	0.01	38	0.08
Jumlah		90	0.55	28	0.83	118	1.38
Jumlah Keseluruhan		218	2.78	62	2.69	280	5.47

Sumber: MDM dan MDT

2.1.3. Perolehan yang telah dilaksanakan oleh MDM dan MDT pada tahun 2014 hingga Mei 2016 hanya melibatkan sumber peruntukan Kerajaan Negeri dan peruntukan Majlis yang masing-masing berjumlah RM4.73 juta dan RM0.74 juta. Peruntukan perolehan MDM adalah berjumlah RM4.09 juta manakala peruntukan perolehan MDT pula adalah berjumlah RM1.38 juta. Peruntukan perolehan MDM dan MDT bagi tahun 2014 hingga Mei 2016 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Peruntukan Perolehan MDM dan MDT Bagi Tahun 2014 Hingga Mei 2016

PBT	Tahun	Sumber Peruntukan			Jumlah Perolehan (RM Juta)
		Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Kerajaan Negeri (RM Juta)	Majlis (RM Juta)	
MDM	2014	-	1.67	-	1.67
	2015	-	1.77	-	1.77
	Mei 2016	-	0.65	-	0.65
Jumlah		-	4.09	-	4.09
MDT	2014	-	0.20	0.29	0.49
	2015	-	0.44	0.37	0.81
	Mei 2016	-	-	0.08	0.08
Jumlah		-	0.64	0.74	1.38
Jumlah Keseluruhan		-	4.73	0.74	5.47

Sumber: MDM dan MDT

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja telah dirancang serta diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan di MDM dan MDT bagi tahun 2014 hingga 2016 serta perolehan tahun sebelumnya yang belum selesai. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen bagi 234 perolehan yang dilaksanakan serta membuat analisis terhadap data. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai MDM dan MDT ke tapak projek yang dipilih telah diadakan. Temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas. *Exit Conference* telah diadakan di MDM dan MDT masing-masing pada 14 dan 12 Julai 2016.

2.4. PENEMUAN AUDIT

MDM dan MDT hanya melaksanakan perolehan secara sebut harga dan pembelian terus bagi tahun 2014 hingga Mei 2016. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2016 mendapati secara umumnya pengurusan perolehan di MDM dan MDT adalah memuaskan. Lebih 91% daripada 234 sampel Audit yang dipilih telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan di mana proses sebut harga dan pembelian terus serta pengeluaran pesanan tempatan telah dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penambahbaikan oleh MDM dan MDT. Selain itu, terdapat satu projek pembinaan bangunan dengan kos RM3.29 juta yang dilaksanakan secara rundingan terus oleh MDM masih belum siap sepenuhnya.

- Perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM20,000 setahun tidak dibuat secara sebut harga dan berlaku pecah kecil perolehan.
- Perolehan kerja secara rundingan terus bernilai RM3.29 juta tidak dirancang dengan teliti dan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

2.4.1. Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Yang Melebihi RM20,000 Setahun Tidak Dibuat Secara Sebut Harga Dan Berlaku Pecah Kecil Perolehan

2.4.1.1. Perolehan Tidak Dilaksanakan Secara Sebut Harga

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK2 Kaedah Perolehan Kerajaan telah menetapkan perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM20,000 setahun hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Semakan Audit mendapati 9 perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM20,000 berjumlah RM280,084 tidak dilaksanakan secara Sebut Harga sebaliknya dibuat secara Pembelian Terus melibatkan 2 perolehan di MDM berjumlah RM50,450 dan 7 perolehan di MDT berjumlah RM229,634. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Perolehan Yang Tidak Dilaksanakan Secara Sebut Harga
Bagi Tahun 2014 Hingga Mei 2016

PBT	Bil.	No. Baucar	Tahun	Perkara	Pembekal	Jumlah (RM)
MDM	1.	22/11	2014	Membekal dan Menyiapkan Baju Coat Ahli Majlis dan Pegawai-pegawai MDM	Robinson Fashion House	26,600
	2.	17/09	2015	Membekal dan menghantar Tong Sampah Rotobin	Rotocraft Technologies (M) Sdn. Bhd.	23,850
Jumlah						50,450
MDT	1.	62/05	2014	Membekal dan Memasang Partition Untuk MDT	Perabot Ghazali S/B	28,200
	2.	JR 99/01 JR 100/01	2014	Membekal Tayar	Teguh Taqwa Ent.	41,220
	3.	16/10	2015	Membekal & Memasang Alat Permainan Kanak-Kanak Untuk MDT	Mass Tech Scape S/B	39,972
	4.	43/04	2015	Membekal Keychain Besi dan PVC	Docnan Industries S/B	25,000
	5.	12/07	2015	Membekal Alat Penghawa Dingin Untuk MDT	Ruby Trading	24,062
	6.	120/12	2015	Membekal Tayar	Teguh Taqwa Ent.	38,900
	7.	75/03	2015	Membekal partition & Almari Buku untuk MDT	Perabot Ghazali S/B	32,280
Jumlah						229,634
Jumlah Keseluruhan						280,084

Sumber: MDM dan MDT

2.4.1.2. Pecah Kecil Perolehan

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK2 Kaedah Perolehan Kerajaan telah menetapkan bahawa setiap agensi dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga atau tender. Semakan Audit mendapati 14 perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM183,975 yang melibatkan syarikat yang sama serta melebihi nilai RM20,000 tidak dipelawa secara sebut harga. Perolehan tersebut melibatkan 4 perolehan di MDM berjumlah RM30,950 dan 10 perolehan di MDT berjumlah RM153,025. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Senarai Perolehan Yang Dipecah Kecil Bagi Tahun 2014 Hingga Mei 2016

PBT	Bil.	No. Baucar	Tahun	Perkara	Pembekal	Jumlah (RM)
MDM	1.	19/2	2014	Bayaran Membekal dan Menjahit Pakaian Seragam penguatkuasa MDM	M Zahari Tailor	1,500
	2.	27/8	2014	Bayaran Membekal dan Menjahit Jaket Untuk Penguatkuasa MDM	M Zahari Tailor	1,100
	3.	24/10	2014	Bayaran Membekal dan Menyiapkan Pakaian Seragam Pekerja MDM	M Zahari Tailor	16,150
	4.	30/11	2014	Bayaran Membekal dan Menyiapkan Pakaian Seragam pekerja MDM (Unit Taman, Kebersihan dan Parking)	M Zahari Tailor	12,200
Jumlah						30,950
MDT	1.	68/08	2014	Bayaran bagi kerja-kerja membekal alat permainan kanak-kanak Di Tmn Puteri Sa'adong, Wakaf Bharu	Mass Tech Scape S/B	19,980
	2.	67/08	2014	Bayaran bagi pemasangan Alat Permainan Kanak-Kanak di Tmn Harmoni, Tmn Sri Neting & Tmn Sri Pekan	Mass Tech Scape S/B	19,900
	Jumlah					39,880
	1.	32/01	2015	Membekal Anak Pokok Bucida Untuk MDT	AW Setiakawan Nurseri	9,800
	2.	36/01	2015	Membekal Anak Pokok Bucida Untuk MDT	AW Setiakawan Nurseri	9,900
	3.	115/01	2015	Membekal Anak Pokok Untuk MDT	AW Setiakawan Nurseri	5,405
	4.	116/01	2015	Membekal Anak Pokok Untuk MDT	AW Setiakawan Nurseri	9,840
	Jumlah					34,945
	1.	64/05	2015	Membekalkan Tong Sampah Untuk MDT	RJ Noorika Ent	19,550
	2.	06/08	2015	Membekalkan Tong Sampah Untuk MDT	RJ Noorika Ent	19,550
	3.	67/09	2015	Membekalkan Tong Sampah Untuk MDT	RJ Noorika Ent	19,550
	4.	80/11	2015	Membekalkan Tong Sampah Untuk MDT	RJ Noorika Ent	19,550
Jumlah						78,200
Jumlah						153,025
Jumlah Besar						183,975

Sumber: MDM dan MDT

2.4.1.3. Mengikut maklum balas dari MDM dan MDT bertarikh 4 dan 10 Julai 2016, pihak Majlis telah terlepas pandang pekililing yang baru dalam 1PP dan masih menggunakan pekililing lama. Perolehan dibuat secara berperingkat kerana mengikut keperluan dan kedudukan kewangan Majlis. Mulai bulan Julai 2016 perolehan dibuat menggunakan pekililing baru dalam 1PP.

Pada pendapat Audit, perolehan yang tidak mematuhi tatacara perolehan boleh menyebabkan tawaran harga yang diterima kurang kompetitif.

2.4.2. Perolehan Kerja Secara Rundingan Terus Bernilai RM3.29 Juta Tidak Dirancang Dengan Teliti Dan Tidak Dilaksanakan Dengan Cepak Dan Berkesan

Pada tahun 2012 MDM telah melaksanakan satu projek pembinaan bangunan di bandar Machang yang bernilai RM3.29 juta meliputi 6 unit kedai pejabat 3 tingkat untuk tujuan disewakan dan satu unit pejabat 4 tingkat untuk dijadikan pejabat MDM. Surat setuju terima telah ditandatangani pada 30 Mei 2012. Projek tersebut dijangka siap pada 13 September 2013 iaitu mengambil masa selama 15 bulan daripada tarikh pemilikan tapak. Semakan Audit terhadap projek pembinaan bangunan tersebut mendapati perkara berikut:

2.4.2.1. Projek Tidak Mendapat Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri

Arahan Perbendaharaan (AP) 168 menetapkan sebarang pengecualian daripada mana-mana peraturan yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu. Mengikut Seksyen 57 Akta 171 pula, sesuatu perbelanjaan yang tidak dimasukkan di dalam anggaran tidak boleh dilakukan kecuali dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati peruntukan yang digunakan oleh MDM bagi pelaksanaan projek tersebut merupakan anggaran yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada 15 September 2008. Kelulusan tersebut adalah untuk menjalankan tawaran membekal kerja-kerja buruh atau upah bagi menyiapkan bangunan secara tender terbuka. Pada 15 Jun 2009 MDM telah melantik kontraktor untuk membekal buruh dengan harga tawaran berjumlah RM1.20 juta. Bagaimanapun disebabkan pelaksanaan projek pembinaan secara upah tidak terdapat dalam prosedur dan peraturan kewangan, Mesyuarat Majlis pada 27 September 2011 telah bersetuju supaya projek diuruskan secara rundingan terus dengan melantik kontraktor SR Adis Trading Sdn. Bhd. untuk melaksanakan kerja pembinaan bernilai RM3.29 juta tanpa memohon semula kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.

2.4.2.2. Projek Tidak Dapat Disiapkan Dalam Tempoh Yang Ditetapkan

Mengikut syarat kontrak, projek Membina dan Menyiapkan 6 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat dan Satu Unit Pejabat 4 Tingkat Di Atas Lot 421 dan 418 Bandar Machang perlu disiapkan pada 13 September 2013 iaitu dalam tempoh 15 bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 14 Jun 2012. Bagaimanapun, projek ini tidak dapat disiapkan

mengikut jadual di mana kontraktor telah diluluskan 5 lanjutan masa (EOT) selama 17 bulan sehingga 28 Februari 2015 iaitu 113% melebihi tempoh asal kontrak. Kelewatan ini disebabkan oleh perubahan dinding bilik yang dipohon oleh pihak ketiga (bakal penyewa), kerja tambahan yang melibatkan pemasangan *partition*, perubahan pelan elektrik dan mekanikal bangunan serta masalah kewangan yang dihadapi oleh MDM.

2.4.2.3. Arahan Perubahan Kerja Tidak Mengambil Kira Keadaan Kewangan Majlis

Mengikut AP 202.2, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan kerja yang berkenaan benar-benar perlu dan mempunyai peruntukan yang mencukupi sebelum mengeluarkan arahan perubahan kerja (VO). Semakan Audit mendapati, MDM telah mengeluarkan arahan perubahan kerja bagi melaksanakan kerja tambahan yang berkaitan dengan pemasangan *partition* bagi projek pembinaan pejabat 4 tingkat untuk dijadikan pejabat baru MDM. Kerja tambahan tersebut telah meningkatkan kos projek sejumlah RM224,028 daripada nilai asal yang berjumlah RM3.29 juta kepada RM3.51 juta. Bagaimanapun MDM tidak dapat membayar sepenuhnya tuntutan bayaran kemajuan kerja terakhir yang dibuat oleh kontraktor kerana MDM tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membiayai peningkatan kos projek. Kedudukan tunai MDM pada akhir tahun 2015 hanyalah berjumlah RM170,670. Sehubungan itu, tuntutan bayaran kemajuan kerja terakhir berjumlah RM398,277 yang telah dibuat oleh kontraktor bertarikh 2 November 2015, hanya RM150,000 dapat dibayar oleh MDM dengan persetujuan kontraktor yang berkenaan. Sehingga ke tarikh pengauditan pada 15 April 2016, pihak MDM masih tidak dapat menjelaskan baki bayaran yang tertunggak berjumlah RM248,277.

2.4.2.4. Pengurangan Skop Projek Menjejaskan Objektif Pembinaan

- a. Perolehan yang dibuat atau sesuatu projek yang dilaksanakan perlu disiapkan dengan sempurna supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya mengikut objektif yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati bangunan tersebut tidak dapat disiapkan dengan sempurna kerana MDM telah mengurangkan skop projek yang melibatkan aspek mekanikal dan elektrik. MDM mengambil tindakan mengurangkan skop projek disebabkan kekurangan sumber kewangan. Disebabkan pengurangan skop aspek elektrik, projek ini tidak mendapat Sijil Kesiapan Dan Pematuhan (CCC). Walaupun MDM telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 25 Februari 2015 bangunan ini masih belum boleh diduduki oleh pihak ketiga. Selain itu apabila CPC dikeluarkan, tempoh tanggungan kecacatan bagi projek tersebut bermula pada 26 Februari 2015 hingga 25 Februari 2016.
- b. Pada 31 Julai 2013, MDM dan Syarikat Malaysia Econjaya (Machang) Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian sewa 6 unit kedai pejabat 3 tingkat bangunan tersebut pada kadar RM18,000 sebulan. Pada 4 Jun 2015 MDM telah mengeluarkan surat yang membenarkan penyewa untuk masuk tapak bagi tujuan menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian premis, bekalan utiliti termasuk bekalan elektrik, air dan

telekom sekurang-kurang sebelum atau pada 15 Julai 2015. CCC akan dikeluarkan apabila kerja-kerja yang berkenaan telah disiapkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, penyewa telah memohon penangguhan disebabkan terdapat kecacatan yang perlu diperbaiki terlebih dahulu.

- c. Pada 22 Jun 2015 MDM telah memutuskan untuk turut menyewakan unit pejabat 4 tingkat yang pada asalnya untuk dijadikan pejabat MDM. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit pada 11 April 2016 kedua-dua bangunan berkenaan masih belum disewa dan dibuat sebarang pengubahsuaian serta aspek mekanikal dan elektrik melibatkan pendawaian elektrik dan pemasangan lif masih belum dilaksanakan. Berdasarkan tarikh perjanjian sewa yang ditandatangani pada 31 Julai 2013 dan tarikh asal projek dijangka siap pada 13 September 2013, penyewaan 6 unit kedai pejabat 3 tingkat yang berkenaan sepatutnya telah berkuat kuasa sekurang-kurang bagi tempoh 2 tahun. Bagaimanapun, disebabkan CCC tidak dapat dikeluarkan MDM telah mengalami kerugian hasil sewaan berjumlah sekurang-kurangnya RM432,000. Keadaan bangunan berkenaan semasa lawatan Audit adalah seperti **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

Gambar 2.1
Bangunan Tidak Disiapkan Dengan Sempurna Dan Tidak Dapat Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai Pejabat 3 Tingkat,
Bandar Machang
Tarikh: 11 April 2016

Gambar 2.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat 4 Tingkat,
Bandar Machang
Tarikh: 11 April 2016

Gambar 2.3
Pendawaian Elektrik Dan Pemasangan Lif Belum Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai Pejabat 3 Tingkat,
Bandar Machang
Tarikh: 11 April 2016

Gambar 2.4

Pendawaian Elektrik Dan Pemasangan Lif Belum Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat 4 Tingkat,
Bandar Machang
Tarikh: 11 April 2016

2.4.2.5. Mengikut maklum balas MDM bertariikh 4 Julai 2016, MDM telah membuat bayaran tambahan kepada kontraktor yang berkenaan berjumlah RM120,000 pada 19 Jun 2016. Baki interim terakhir yang masih tertunggak berjumlah RM128,277 akan dijelaskan sepenuhnya sebelum atau pada bulan Oktober 2016. MDM juga telah mengeluarkan arahan kepada penyewa untuk masuk tapak bagi menjalankan kerja ubahsuai secara percuma sehingga 31 Oktober 2016. Sewa akan dikutip mulai bulan November 2016.

Pada pendapat Audit, projek yang dilaksanakan oleh MDM tidak dirancang dengan teliti dan tidak dilaksanakan dengan cekap sehingga menjejaskan matlamat asal projek. MDM tidak mengambil kira kedudukan kewangan menyebabkan projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan tidak dapat digunakan bagi menjana hasil.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan, adalah disyorkan MDM dan MDT mengambil tindakan berikut:


2.5.1. Memastikan setiap perolehan yang dibuat mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

2.5.2. Memastikan perolehan kerja seperti pembinaan bangunan dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keupayaan kewangan Majlis supaya dapat disiapkan mengikut jadual dan mencapai objektif yang ditetapkan.

3. PENGURUSAN KAWAL SELIA SUMBER AIR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Sumber air terdiri daripada air sungai, empangan, air bawah tanah, air bukit, tasik dan sebagainya. Perlembagaan Persekutuan menetapkan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia bekalan dan perkhidmatan air manakala Kerajaan Negeri pula bertanggung jawab terhadap sumber air. Bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah seperti di **Gambar Rajah 3.1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.1.2. Bagi menguruskan sumber air, Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Jabatan Air Negeri Kelantan (JANK) pada tahun 1996. Objektif JANK adalah untuk mengawal selia sumber air termasuk kawasan tadahan bagi memastikan sumber air terus mapan dari segi kuantiti dan kualiti.

3.1.3. Negeri Kelantan yang berkeluasan 15,099km² mempunyai 4 lembangan sungai utama yang berkeluasan hampir 14,840km² dan 34 buah loji rawatan air (LRA) yang membekalkan air bersih kepada pengguna. Menurut Kajian Sumber Air Negara, kadar abstraksi sumber air bagi tujuan air minum daripada air sungai sebanyak 60% atau 254.074 juta liter sehari (jlh) dan air bawah tanah sebanyak 40% atau 176.342 jlh. Senarai lembangan sungai, air bumi dan bilangan LRA adalah seperti **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Senarai Lembangan Sungai Dan Air Bumi Di Negeri Kelantan

Bil.	Lembangan Sungai/ Sumber Air	Sungai	Luas Kawasan Tadahan (KM2)	Bil. Loji Rawatan Air	
				Air Sungai	Air Bumi
1.	Sungai Kelantan	Sungai Galas Sungai Lebir Sungai Nenggiri Sungai Kelantan	13,000	28	8
2.	Sungai Golok	-	1000	-	-
3.	Sungai Semerak	-	200	3	-
4.	Sungai Kemasin	-	48	3	-
Jumlah			-	34	8

Sumber: JANK

3.1.4. Selaras dengan Dasar Sumber Air Negara bagi menjamin sumber air yang mencukupi bagi menampung permintaan pelbagai kategori pengguna dan alam sekitar, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) telah melaksanakan Kajian Sumber Air Negara Semenanjung Malaysia pada tahun 2000 (semak semula tahun 2009) bagi menentukan sumber air yang mencukupi sehingga tahun 2050. Kajian menunjukkan secara dasarnya dianggarkan berlaku peningkatan 63% permintaan air di sektor industri, domestik dan lain-lain dari tahun 2000 – 2050. Namun, kualiti air sungai yang merupakan sumber utama bekalan air adalah di tahap yang membimbangkan jika tiada tindakan yang positif dijalankan bagi mengawal pencemaran. Kajian juga menunjukkan impak yang besar akan berlaku dalam sektor sumber air negara selari dengan pertumbuhan pesat permintaan dalam bidang pertanian, industri dan domestik lebih-lebih lagi semasa kemarau panjang yang dikaitkan dengan *El Nino*, perubahan guna tanah dan perubahan iklim global.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kawal selia sumber air telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.3.1. Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh JANK dalam menguruskan sumber air di Negeri Kelantan bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2013 hingga 2015 khususnya untuk kegunaan domestik dan industri.

3.3.2. Metodologi pengauditan termasuklah menyemak dokumen, analisis data kualiti air bagi tahun 2009 – 2015, dan maklumat daripada JANK, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Perhutanan, Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). Selain itu, lawatan ke lokasi Sungai Kelantan telah dijalankan bagi mengesahkan penemuan dan mendapatkan bukti Audit. Temu bual dengan pegawai-pegawai yang berkaitan turut dilaksanakan bagi memahami dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai sesuatu perkara. *Exit Conference* bersama Ketua Penolong Pengarah Jabatan Air Negeri Kelantan, wakil Jabatan

Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan dan Ketua Unit Audit Dalam SUK telah diadakan pada 29 Ogos 2016.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April 2016 hingga Julai 2016 mendapati pada keseluruhannya kuantiti sumber air mentah di Kelantan adalah mencukupi. Namun pengurusan kawal selia air adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti di bawah:

- Peratusan pelanggaran bagi beberapa parameter seperti kekeruhan, ferum dan aluminium adalah tinggi.
- Kawasan sumber air belum diwartakan sepenuhnya.
- Urusan pelesenan dan penguatkuasaan kurang memuaskan.
- Beberapa peruntukan dalam Enakmen Bekalan Air 1995 bertindih dengan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

3.4.1. Kuantiti Sumber Air Mentah Adalah Mencukupi

3.4.1.1. Fungsi utama JANK adalah mengurus, mengawal serta menyelaras sumber dan mutu air di negeri Kelantan. Seksyen 11, Enakmen Bekalan Air Kelantan 1952 (Pindaan 1995) menetapkan tugas Pengarah Air Negeri untuk memastikan bahawa sumber air mentah dapat memenuhi permintaan air mentah oleh operator pengeluaran air untuk kegunaan domestik dan industri. Mengikut polisi dalam Pelan Integrated River Basin Management (IRBM), sumber air hendaklah mencukupi untuk menampung keperluan permintaan air daripada pelbagai kategori pengguna terdiri daripada operator loji rawatan air, pengusaha industri dan ladang ternakan. Penentuan sama ada kuantiti sumber air mencukupi adalah dinilai daripada permintaan (*demand*) berbanding ketersediaan (*availability*) air mentah dari sumber-sumber seperti air permukaan, bawah tanah, kolam dan tasik.

3.4.1.2. Antara data penting di dalam perancangan sumber air ialah unjuran permintaan dengan ketersediaan bekalan. JANK tidak melaksanakan apa-apa kajian berkenaan dengan unjuran dan permintaan kuantiti air mentah negeri Kelantan tetapi menggunakan hasil Kajian Sumber air Negara (KSAN) oleh Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE). Hasil daripada KSAN telah merumuskan bahawa sumber air mentah untuk domestik dan industri di negeri Kelantan adalah mencukupi untuk tempoh sehingga tahun 2050. Bagaimanapun disebabkan perubahan cuaca dan kemarau berpanjangan (*El Nino*) yang kerap berlaku kebelakangan ini telah banyak memberi kesan kepada penyediaan sumber air mentah.

3.4.1.3. Negeri Kelantan antara negeri di Malaysia yang mendapat taburan hujan yang tertinggi iaitu purata 2,600mm setahun selepas Terengganu dan Perak. Selepas

menjalani proses penyejatan dan recaj air bumi, jumlah air hujan yang menjadi larian permukaan ialah 1,170mm seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Jumlah Taburan Air Hujan Di Malaysia

Negeri	Keluasan (km persegi)	Taburan Hujan (mm)	Penyejatan Sebenar (mm)	Recaj Air Bumi (mm)	Larian Permukaan (mm)
Perlis	821	1,880	1,290	120	470
Kedah	9,500	2,310	1,430	130	750
P.Pinang	1,048	2,350	1,430	120	800
Perak	21,035	2,480	1,320	170	990
Selangor	8,396	2,190	1,280	150	760
Negeri Sembilan	6,686	1,830	1,210	130	490
Melaka	1,664	1,880	1,210	100	570
Johor	19,210	2,470	1,130	200	1,140
Pahang	36,137	2,470	1,250	120	1,100
Terengganu	13,035	3,310	1,470	150	1,690
Kelantan	15,099	2,600	1,290	140	1,170
Semenanjung Malaysia	132,631	2,495.5	1,283.8	147.6	1,064
Sabah	73,631	2,560	1,190	190	1,180
Sarawak	124,450	3,640	1,250	240	2,150
WP Labuan	91	3,100	1,480	150	1,470
Malaysia Barat	198,172	3,238.5	1,227.8	221.4	1,789.3
Malaysia	330,803	2,940.6	1,250.3	191.8	1,498.5

Sumber: Review Of The National Water Resources Study (2000-2050) And Formulation Of National Water Resources Policy

3.4.1.4. Pihak Audit mendapati jumlah air hujan yang tinggi ini tidak disimpan dalam empangan, kolam takungan sebagainya kerana menurut rekod JANK tiada empangan dibina bagi tujuan bekalan air minum pada masa kini. Sebaliknya, air hujan itu mengalir ke dalam sungai dan seterusnya ke laut. Bagaimanapun Laporan KSAN juga telah mencadangkan supaya 5 projek pembinaan empangan pelbagai fungsi (bekalan air minum, pertanian, tebatan banjir dan hidro elektrik) dibina di tiga buah sungai seperti **Jadual 3.3** bagi memastikan ketersediaan bekalan.

Jadual 3.3
Bilangan Empangan

Bil.	Sungai	Empangan (Dam site)
1.	Sg.Galas	Dabong
		Kemubu
2.	Sg Nenggiri	Batu Buloh
		J.Unangs
3.	Sg.Lebir	Jeram Panjang

Sumber: Kajian Sumber Air Negara 2000-2050

3.4.1.5. Selain sumber air sungai, negeri Kelantan juga telah menerokai sumber air bumi untuk menampung bekalan sumber air ketika musim kemarau. Sebagai contoh ketika paras air sungai di muka sauk Loji Rawatan Air (LRA) Bendang Nyior, Tanah Merah kritikal dan kering kontang pada 20 Mac 2016 tetapi bekalan air dapat ditampung sebahagiannya melalui sumber air bawah tanah.

3.4.1.6. Mengikut maklum balas JANK bertarikh 29 Ogos 2016, pihak JPS sedang melaksanakan *National Water Balance Management System* (NAWABS) untuk mengurus sumber air bagi mengimbangi lebihan dan kekurangan. Dimaklumkan Empangan Nenggiri dan Empangan Lebir (*multipurpose dam* – sebagai bekalan air, pertanian, hidro kecil (*running water*) akan dibina bagi menampung penggunaan air. Pihak JANK telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) bagi pembinaan *wier* dalam RMKe-10 di Sg. Jegor tapi tidak diluluskan disebabkan migrasi pengstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air Negeri Kelantan.

Pada pendapat Audit, JANK perlu melaksanakan kajian semula terhadap kuantiti sumber air mentah dan menyegerakan pembinaan empangan selaras dengan perubahan cuaca dan aktiviti pembangunan.

3.4.2. Kualiti Sumber Air Mentah

3.4.2.1. Indeks Kualiti Air

- a. Kajian kualiti air dilaksanakan bagi menentukan keberadaan kualiti air sungai dan dikelaskan mengikut Kelas I, II, III, IV atau V berdasarkan piawaian Indeks Kualiti Air (IKA). Indeks Kualiti Air terbahagi kepada 3 kategori iaitu Bersih, Sederhana Tercemar dan Tercemar. Petunjuk kualiti air terdiri daripada Parameter Oksigen Biokimia (BOD), Parameter Oksigen Kimia (COD), Oksigen Terlarut (DO), Nitrogen Ammonia (NH₃-N) dan Pepejal Terampai (TSS) dan pH. Dalam konteks bekalan air minuman, parameter biologi (analisis kandungan bakteria) dan kandungan kimia (logam berat berbahaya) selalu ditekankan agar bekalan air yang dihasilkan bebas daripada sebarang bentuk pencemaran yang berbahaya. Piawaian IKA, kategori kelas sungai dan parameter kualiti air mentah berdasarkan *National Water Quality Standards For Malaysia* adalah seperti di **Jadual 3.4** dan **Jadual 3.5**.

Jadual 3.4
Kelas Kualiti Air Berdasarkan IKA

Kelas	Julat IKA (%)	Klasifikasi	Julat Indeks (%)
I	92.8 – 100	Pemuliharaan alam sumber air yang asli dan tidak memerlukan sebarang rawatan	Bersih (81 – 100)
II IIB	76.63 – 92.8	Berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan biasa diperlukan untuk tujuan tersebut	
III	52.47 – 76.63	Berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut	Sederhana Tercemar (60 – 80)
IV	29.74 – 52.47	Tujuan pengairan sahaja	Tercemar (0 – 59)
V	<29.74	Tiada seperti di atas	

Sumber: *National Water Quality Standards For Malaysia*

Jadual 3.5
Parameter Kualiti Air Mentah

Bil.	Parameter	Piawaian Bacaan
1.	PH	5.5-9.0
2.	Kekeruhan	1000 NTU
3.	Ammonia	1.5 mg/l
4.	Ferum	1.0 mg/l
5.	Manganese	0.20 mg/l
6.	COD	10 mg/l
7.	BOD	6mg/l
8.	DO	8 mg/l
9.	TSS	25 mg/l

Sumber: *National Water Quality Standards For Malaysia*

- b. Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh JAS, pemantauan kualiti air bagi 4 lembangan sungai dari tahun 2009 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Indeks Kualiti Air Sungai

Bil.	Sungai	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1.	Sungai Golok	91	88	85	87	89	84	88
2.	Sungai Belatop	82	82	85	77	84	82	87
3.	Sungai Galas	90	89	89	88	88	83	86
4.	Sungai Kemasin	80	74	72	81	73	72	84
5.	Sungai Alor	55	45	52	48	66	53	66
6.	Sungai Peng. Datu	83	80	79	75	80	78	77

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Kelantan

- c. Berdasarkan rekod AKSB, kebanyakan LRA tertumpu di Lembangan Sungai Kelantan. Analisis Audit terhadap data IKA mendapati Sungai Golok, Sungai Belatop, Sungai Galas dan Sungai Peng. Datu berada pada Kelas II iaitu memerlukan rawatan biasa untuk membolehkan diminum. Sungai Kemasin dan Sungai Alor pula berada dalam Kelas III iaitu sederhana tercemar.

3.4.2.2. Pelanggaran Kualiti Air Mentah

- a. Program Kawalan Mutu Air Minum (KAMAM) adalah merupakan satu program pengawalan mutu air minum yang dibekalkan kepada orang awam oleh pihak berkuasa air/agensi-agensi tempatan dan swasta. Objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan taraf kesihatan dengan memastikan keselamatan dan mutu air yang dibekalkan oleh pihak pembekal air adalah selamat serta mematuhi piawaian air minum kebangsaan. KKM telah mengeluarkan Garis Panduan Kualiti Air Minum yang menetapkan piawaian kualiti air mentah dan terawat untuk tujuan air minum. Piawaian kualiti air mentah yang ditetapkan oleh KKM adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Kualiti Air Mentah Cadangan

Bil.	Parameter	Unit	Kriteria Kualiti Air Mentah
1.	pH	-	5.5 – 9.0
2.	Kekeruhan	NTU	1000
3.	Warna	TCU	300
4.	BOD ₅ (20°C)	mg/L	6
5.	COD	mg/L	10
6.	Jumlah pepejal terlarut (TDS)	mg/L	1500
7.	Jumlah pepejal terampai (TSS)	mg/L	-
8.	Ammonia Nitrogen	mg/L	1.5
9.	Detergen anionik (MBAS)	mg/L	1.0
10.	Jumlah keliatan (CaCO ₃)	mg/L	500
11.	Jumlah nitrogen	mg/L	-
12.	Nitrogen nitrat (N)	mg/L	10
13.	Sianid (CN)	mg/L	0.07
14.	Minyak dan gris	mg/L	0.3
15.	Zink (Zn)	mg/L	3
16.	Sodium (Na)	mg/L	200
17.	Kuprum (Cu)	mg/L	1
18.	Mangan (Mn)	mg/L	0.2
19.	Ferum (Fe)	mg/L	1.0
20.	Arsenik (As)	mg/L	0.01
21.	Plumbum (Pb)	mg/L	0.05
22.	Selenium (Se)	mg/L	0.01
23.	Merkuri (Hg)	mg/L	0.001
24.	Kadmium (Cd)	mg/L	0.003
25.	Klorida (Cl)	mg/L	250
26.	Sulfat SO ₄	mg/L	250.0
27.	Kromium (Cr)	mg/L	0.05
28.	Magnesium (Mg)	mg/L	150
29.	Perak (Ag)	mg/L	0.05
30.	Fenol	mg/L	0.002
31.	Jumlah koliform (TC)	MPN / 100 mL	5000
32.	<i>E. coli</i>	MPN / 100 mL	-

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

- b. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) telah menjalankan siri pemantauan dengan menjalankan pengujian terhadap kualiti air sungai di 34 muka sauk LRA. Berdasarkan laporan pengujian kualiti air sungai bagi tahun 2011 hingga 2015 menunjukkan jumlah pelanggaran yang tinggi bagi setiap loji dan peratusan pelanggaran piawaian kualiti air mentah yang di muka sauk LRA seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Peraturan Pelanggaran Piawaian Kualiti Air Mentah Di Muka Sauk LRA
Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Loji Rawatan Air	Jumlah Pelanggaran	Kekerapan Pelanggaran Mengikut Parameter (%)								
			TC	NTU	PH	COD	N-NO3	NH3-N	Fe	Al	Mn
1.	Loji Rawatan Air Kg Chap	305	1.69	0	0	0	90.91	0	100.00	18.18	0
2.	Loji Rawatan Air Kg Putih	322	0	0	3.33	0	8.33	0	66.67	16.67	8.33
3.	Loji Rawatan Air Bukit Cina	1099	35.08	1.20	0	11.32	0	0	55.00	85.00	56.67
4.	Loji Rawatan Air Pintu Geng	322	0	0	1.67	0	0	0	20.83	16.67	0
5.	Loji Rawatan Air Tg Mas	316	0	0	0	0	0	0	100.00	17.39	0
6.	Loji Rawatan Air Perol	309	0	1.67	0	0	0	0	95.45	22.73	95.45
7.	Loji Rawatan Air Chicha	318	0	0	0	0	0	0	100.00	16.67	79.17
8.	Tangki Air Ketereh	47	0	0	8.33	0	0	0	0	0	100.00
9.	Loji Rawatan Air Merbau Chondong	1076	33.87	0.81	0	3.92	0	0	35.09	82.46	40.35
10.	Loji Rawatan Air Kelar	1747	25.56	8.25	0.75	10.26	0	0	61.70	48.94	69.15
11.	Loji Rawatan Air Wakaf Bunut	1097	17.21	2.00	0	5.66	0	0	26.67	31.67	0
12.	Gfs Jeram Pasu	1087	4.47	2.02	0	1.85	3.45	1.72	1.72	22.41	1.72
13.	Gfs Bukit Yong	1087	2.87	2.80	0	3.70	0	0	0	22.41	0
14.	Loji Rawatan Air Wakaf Bunut (New)	218	2.00	0	0	0	0	0	41.67	0	8.33
15.	Loji Rawatan Air Bukit Remah	1096	53.63	1.61	0.40	17.31	0	0	50.00	90.00	38.33
16.	Loji Rawatan Air Muring	1087	42.32	0	3.64	9.62	1.67	1.67	85.00	35.00	1.67
17.	Loji Rawatan Air Batu Gajah	1092	59.92	0	1.20	11.54	0	1.69	67.80	40.68	1.69
18.	Loji Rawatan Air Bendang Nyior	1072	36.44	0	4.88	13.46	0	1.69	91.38	39.66	3.45
19.	Loji Rawatan Air Kuala Tiga	1078	46.12	1.22	0	13.73	0	0	51.72	81.03	50.00
20.	Loji Rawatan Air Wakaf Bharu	290	1.69	0	20.34	33.33	0	0	9.09	18.18	4.55
21.	Loji Rawatan Air Sg Ketil	1087	20.65	0	0.81	12.96	0	0	5.17	63.79	1.72
22.	Loji Rawatan Air Chiku	1102	45.75	3.61	0.80	21.05	1.67	0	16.67	48.33	6.67
23.	Loji Rawatan Air Aring	1077	48.75	10.74	0.41	13.79	0	0	44.07	59.32	6.78
24.	Loji Rawatan Air Panggong Lalat	735	26.90	5.85	0.58	13.51	0	0	32.43	59.46	21.62
25.	Loji Rawatan Air Limau Kasturi	1076	68.60	18.60	0.83	23.64	0	0	69.49	86.44	20.34
26.	Loji Rawatan Air Bertam	1060	65.15	18.18	1.24	13.21	0	0	67.86	94.64	23.21
27.	Loji Rawatan Air Tualang	1087	51.43	17.34	1.21	3.57	1.72	3.45	25.86	79.31	79.31
28.	Loji Rawatan Air Manik Urai	1078	43.44	10.89	2.02	9.43	1.75	3.51	24.56	70.18	71.93
29.	Loji Rawatan Air Pahi	891	46.75	11.65	2.41	5.77	0	0	0	0	0
30.	Loji Rawatan Air Stong/Dabong	1066	5.71	2.83	0.81	10.00	0	0	3.64	23.64	3.64
31.	Loji Rawatan Air Jeli	1099	1.20	1.61	2.01	1.92	1.67	0	0	46.67	0
32.	Loji Rawatan Air Ayer Lanas	1095	10.08	2.01	2.41	7.41	1.69	0	32.20	33.90	5.08
33.	Loji Rawatan Air Kuala Balah	1093	3.23	2.43	3.64	5.36	1.69	0	15.25	22.03	3.39
34.	Loji Rawatan Air Gemang	650	3.36	3.36	2.68	6.06	2.94	0	17.65	11.76	2.94
Jumlah			29.91	4.87	1.43	9.20	2.01	0.50	40.64	49.02	22.81

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

- c. Berdasarkan laporan JAS tahun 2015, antara punca pencemaran sungai adalah disebabkan oleh aktiviti perlombongan, pertanian, pengambilan pasir dan industri pembuatan. Sebagai contoh, di Sungai Alor iaitu di Sungai Pengkalan Chepa, sungai di bahagian hulu sungai seperti Sungai Brooke, Sungai Belatop dan Sungai Galas mempunyai kualiti air yang tercemar disebabkan oleh kandungan kelodak yang tinggi akibat daripada aktiviti perlombongan, aktiviti pertanian dan pengambilan pasir. JAS menjalankan pemantauan dan pengawalan isu-isu pencemaran sumber air melalui siasatan tapak dan juga aduan-aduan diterima. Berdasarkan analisis pemantauan dirumuskan antara punca-punca pencemaran di lembangan sungai ialah:
- Aktiviti kerja tanah tanpa pematuhan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) yang menyumbang kepada kekeruhan air sungai seperti di **Gambar 3.1**.
 - Aktiviti pengorekan pasir di Sungai Kelantan berdekatan dengan muka sauk LRA Kelar.
 - Pencerobohan rizab sungai seperti di **Gambar 3.2**.
 - Pembuangan sampah secara haram di rizab sungai.



Gambar 3.1
Aktiviti Kerja Tanah Tanpa Pematuhan
Pelan Kawalan Hakisan Dan Kelodak
(ESCP) Yang Menyumbang Kepada
Kekeruhan Air Sungai

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Kelantan
Lokasi: Tanah Tinggi Lojing
Tarikh: Mac 2015



Gambar 3.2
Pencerobohan Rizab Sungai

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Kelantan
Lokasi: Tanah Tinggi Lojing
Tarikh: Mac 2015

- d. Berdasarkan Minit Mesyuarat Kawal Selia SPAN bersama AKSB Bil.3/2014 memaklumkan berlaku pelanggaran ferum akibat perlombongan bijih besi di bahagian hulu Sungai Kelantan iaitu di Jajahan Kuala Krai dan Gua Musang seperti di **Gambar 3.3**. Antara loji-loji yang terjejas ialah Sg. Ketil, Chiku, Manik Urai dan Felda Aring. Selain itu, pihak Audit mendapati Laporan *Environmental Impact Assessment*


(EIA) telah dibentangkan pada mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri oleh Jabatan Alam Sekitar. Namun masih tiada apa-apa tindakan oleh pihak yang berkaitan. Graf pelanggaran ferum dalam air mentah bagi tahun 2001 hingga 2015 seperti di **Carta 3.1**.



Gambar 3.3
Aktiviti Perlombongan Bijih Besi di
Kawasan Gua Musang

Sumber: Jabatan Alam Sekitar Kelantan
Lokasi: Jajahan Gua Musang
Tarikh: 20 April 2016

Carta 3.1
Graf Pelanggaran Ferum Dalam Air Mentah Bagi Tahun 2001 Hingga 2015




Sumber: AKSB

- e. Minit Mesyuarat Kawal Selia Air Bil. 1/2016 bertarikh 5 Mei 2016, AKSB memaklumkan bahawa parameter kekeruhan tidak mematuhi sasaran yang ditetapkan ialah apabila kekerapan pelanggaran melebihi 2%. Berdasarkan graf di atas, menunjukkan bahawa kekerapan pelanggaran ferum melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tempoh 2001 hingga 2015. Manakala dari segi kekeruhan air, standard kekeruhan hendaklah tidak melebihi 1000 NTU. Berdasarkan carta peratus pelanggaran kekeruhan dalam air mentah bagi tahun 2000 hingga 2015 seperti di

Carta 3.2, menunjukkan kekerapan pelanggaran berlaku mulai tahun 2012 hingga kini.

Carta 3.2
Carta Peratus Pelanggaran Kekeruhan Dalam Air Mentah Bagi Tahun 2000 Hingga 2015



Sumber: AKSB

3.4.2.3. Lawatan Audit

- a. Lawatan Audit pada 9 Mei bersama pegawai JANK serta AKSB dan pada 1 Jun 2016 bersama pegawai JANK, JAS, JPS dan AKSB terhadap 4 muka sauk mendapati aktiviti perlombaongan pasir dan binatang berkeliaran berdekatan dengan kawasan muka sauk yang boleh memberi kesan kepada kualiti air sungai. Keadaan persekitaran di muka sauk di Loji Rawatan Air (LRA) Kelar dan Bukit Remah adalah seperti **Gambar 3.4** hingga **Gambar 3.6**.

Gambar 3.4
Aktiviti Perlombaongan Pasir Di Kawasan Hulu Berdekatan Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
Lokasi: Muka Sauk Kelar, Pasir Mas
Tarikh: 09 Mei 2016

Gambar 3.5
Aktiviti Perlombaongan Pasir Di Kawasan Hulu Berdekatan Muka Sauk



Gambar 3.6
Kawasan Muka Sauk Dimasuki Lembu



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
Lokasi: Muka Sauk Bukit Remah, Tanah Merah
Tarikh: 09 Mei 2016

3.4.2.4. Mengikut maklum balas JANK bertarikh 29 Ogos 2016, semua loji air mengambil sumber air daripada kelas II (airnya memerlukan rawatan biasa). Mengikut laporan dari PTG, sungai yang terlibat dengan perlombongan adalah sungai Lebir dan loji rawatan air yang terlibat adalah di LRA Manik Urai sahaja. Kebanyakan loji yang menyumbang kepada pelanggaran ferum dalam air mentah adalah daripada loji yang menggunakan sumber air bumi atau telaga seperti di kawasan Kota Bharu, Bachok dan Tumpat. JANK telah mencadangkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk menghantar laporan *Environmental Monitoring Report* kepada jabatan semasa pelaksanaan projek namun perkara ini tidak berlaku. JANK tidak mampu untuk membuat pemantauan di tapak projek kerana kekurangan kakitangan dan logistik kerana kawasan projek berada di kawasan pedalaman yang sukar dimasuki. Berkaitan dengan kualiti air di dalam sungai JANK memaklumkan bahawa diselia oleh setiap Jabatan yang berbeza. Pihak JANK tidak boleh mengambil tindakan jika kawasan tidak diwartakan dan hanya boleh mengeluarkan notis sahaja jika berlaku pencemaran di kawasan sumber air.

Pada pendapat Audit, kualiti air di Kelantan adalah kurang memuaskan disebabkan peratusan pelanggaran parameter kekeruhan, ferum dan aluminium yang berpunca daripada aktiviti perlombongan dan tebus guna tanah di bahagian hulu sungai yang tidak terkawal.

3.4.3. Kawasan Sumber Air Belum Diwartakan Sepenuhnya Dan Kawal Selia Dilaksanakan Oleh Pelbagai Agensi

3.4.3.1. Pewartaan Kawasan Tadahan/Lembangan Sungai

- a. Tatacara pewartaan telah diperuntukkan dalam Enakmen Bekalan Air 1995, Akta Perhutanan Negara 1984, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985, Kanun

Tanah Negara 1935 dan Akta Kawasan Larangan/Tempat Larangan 1959. Antara kawasan–kawasan yang perlu diwartakan ialah kawasan tadahan air, muka sawk, medan telaga, loji rawatan air, Hutan Tadahan Air (HTA), sungai dan rizab sungai. Tindakan pewartaan perlu dilaksanakan bagi menjamin kelestarian sumber air mentah dan tindakan penguatkuasaan dapat diambil terhadap sebarang pelanggaran undang-undang. Secara ringkasnya bilangan pewartaan kawasan tadahan/ Lembangan sungai mengikut kategori perundangan yang telah diperuntukkan adalah sebagaimana **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Kategori Pewartaan

Bil.	Perundangan	Perihal Warta	Keluasan (Ha) / Batang (Btg) / Panjang (KM)		Jumlah
			Telah Warta	Belum Warta	
1.	Seksyen 3, Enakmen Bekalan Air 1995	Warta Kerajaan Negeri Kelantan No. 297 bertarikh 18hb. Mac 2010	1,346,745 (ha)	-	1,346,745 (ha)
2.	Seksyen 10(1)e, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985	Warta Kerajaan Negeri Kelantan No. 5 pada 17hb. Januari 2008	35,898 (ha)	10,620 (ha)	46,518(ha)
3.	Seksyen 13, Kanun Tanah Negara	Warta Kerajaan Negeri Kelantan No. 2402 bertarikh 9hb Oktober 2014	278 (btg) / 4,072.69 (KM)	142(btg) / 726.16 (KM)	420(btg) / 4,798.85 (KM)

Sumber:JANK, JPNK dan JPS

b. Tindakan Kerajaan Negeri untuk mewartakan kawasan tersebut adalah sebagaimana berikut:

i. Pewartaan Kawasan Tadahan

- Mengikut Seksyen 3, Enakmen Bekalan Air 1995, Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui warta mengisytiharkan tasik, sungai atau terusan menjadi suatu kawasan tadahan untuk kolam air atau pengambilan bekalan air untuk tujuan penjagaan atau perlindungan. Secara umumnya, kawasan tadahan air ialah kawasan air yang ditampung secara semulajadi melalui landskapnya dan kawasan air yang ditampung secara buatan melalui pembinaan empangan.
- Semakan Audit mendapati, Pihak Berkuasa Negeri telahpun mewartakan kesemua 30 kawasan yang dikenal pasti termasuk kesemua 20 muka sawk dan 35 LRA yang ada. Pewartaan terhadap sejumlah 30 kawasan tadahan ini telah dibuat melalui Warta Kerajaan Negeri Kelantan No. 297 bertarikh 18hb. Mac 2010 seluas 1,346,745 hektar, sebagaimana ditunjukkan di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Kedudukan 30 kawasan Tadahan Yang Diwarta

Bil.	Jajahan	Daerah	Nama Sungai (Sg.)	Bil. Tadahan	Keluasan (Ha)
1.	Gua Musang 645,573(Ha)	Chiku	Sg. Galas/ Lebir/ Chiku/ Baloh	4	197,539.00
		Bertam	Sg. Nenggiri/ Betis	2	433,242.00
		Gua Musang	Sg. Ketil	1	14,792.00
2.	Kuala Krai 380,405(Ha)	Batu Mengkebang	Sg. Kelantan	2	72,436.00
		Olak Jeram	Sg. Lebir	1	307,969.00
3.	Jeli 106,422(Ha)	Jeli	Sg. Lanas	2	55,973.00
		Kuala Balah	Sg. Pergau	1	33,311.00
		Jelawang	Sg. Stong	1	17,138.00
4.	Tanah Merah 127,058(Ha)	Bukit Panau	Sg. Muring/ Jegor	2	7,749.00
		Kusial	Sg. Kelantan	1	23,470
		Jedok	Sg. Jedok	1	3,279.00
		Ulu Kusial	Sg. Kelantan	1	92,560.00
5.	Machang 30,897(Ha)	Pulai Chondong	Sg. Kelantan	1	30,897.00
6.	Pasir Puteh 12,797(Ha)	Limbongan	Sg. Rasau	1	7,419.00
		Gong Datok	Sg. Yong	1	3,422.00
		Jeram	Sg. Jeram	1	1,956.00
7.	Pasir Mas 13,235(Ha)	Kangkong	Sg. Kelantan	1	1,613.00
		Pasir Mas	-	1	11,622.00
8.	Kota Bharu 12,538(Ha)	Kota Bharu	Sg. Kelantan	1	8,846.04
		Kubang Kerian			
		Kota			
		Kadok			
		Ketereh			
		Pendek	Sg. Mulong	1	3,691.75
9.	Bachok 16,299(Ha)	Tawang	Sg. Pengkalan Datu	1	4,003.95
		Melawi/Perupok			-
		Perupok	Sg. Kemasin	1	12,295.00
10.	Tumpat 1,521.42(Ha)	Terbak	Sg. Selehong	1	1,521.42
		Wakaf Bharu			-
Jumlah				30	1,346,745.42

Sumber: JANK

ii. **Pewartaan Kawasan Hutan Tadahan Air (HTA)**

- Hutan amat penting dalam kitaran hidrologi kerana mengurangkan kesan tindakan curahan hujan; menambahkan penyerapan air ke dalam tanah, memperlahankan kadar aliran air permukaan; dan mengurangkan hakisan tanah. Hampir 97% bekalan air mentah diperolehi melalui air larian permukaan yang berasal di kawasan pergunungan dan berbukit yang diliputi oleh hutan. **Carta 3.3** dan **Carta 3.4** menunjukkan penggunaan Tanah Negeri Kelantan dan Kawasan Berhutan Negeri Kelantan. Manakala **Peta 3.1** menunjukkan Peta Hutan Simpan Negeri Kelantan.

- Dasar Perhutanan Negara 1978 menyatakan bahawa HSK perlu diurus dan diklasifikasikan di bawah 4 fungsi utama iaitu Hutan Perlindungan; Hutan Berhasil; Hutan Lipur dan Hutan Penyelidikan dan Pendidikan. Klasifikasi HSK sebagai Hutan Perlindungan adalah untuk mengawal sumber air, memastikan kesesuaian iklim dan keadaan fizikal negara, kesuburan tanah, kualiti alam sekitar, pemeliharaan kepelbagaian hayat dan mengurangkan kerosakan oleh banjir dan hakisan kepada sungai dan tanah permukaan. Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 2 Tahun 2015 menyenaraikan peranan dan fungsi HTA seperti berikut:
 - i. Untuk melindungi kawasan HSK yang mempunyai ciri-ciri kawasan tadahan bagi tujuan menjamin sumber air secara berkekalan;
 - ii. Bertindak sebagai kawasan konservasi kepelbagaian biologi hutan;
 - iii. Sebagai kawasan penyelidikan dan pembelajaran dalam aspek Pemeliharaan dan perlindungan kawasan hutan untuk tadahan air; dan
 - iv. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat umum mengenai peranan Jabatan dalam pemeliharaan dan perlindungan kawasan tadahan air.
- Hutan tadahan air adalah satu kawasan hutan yang berfungsi mengawal larian air permukaan yang berlebihan dan berkeupayaan untuk menakung air. Oleh itu, kawasan tadahan air perlu diwartakan sebagai kawasan Hutan Tadahan Air bagi tujuan untuk memberi jaminan pemegangan (*security of tenure*) yang membolehkan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan mengurus dan mentadbir kawasan hutan secara berkekalan. Pada 17 Januari 2008 Kerajaan Negeri Kelantan melalui Warta Kerajaan Negeri Kelantan No. 5 telah mewartakan kawasan seluas 37,543 (6%) daripada 629,687 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagai Hutan Tadahan Air (HTA). Kawasan HTA yang telah diwartakan adalah seperti di **Jadual 3.11**.

Jadual 3.11
Pewartaan Hutan Tadahan Air

Bil.	HTA	Keluasan (Ha)	
1.	Gunung Basor	23,521	Kelantan Barat 26,233
2.	Gunung Stong Utara	1,128	
3.	Jeli	717	
4.	Jedok	657	
5.	Bukit Akar	210	
6.	Limau Kasturi	253	Kelantan Selatan 2,962
7.	Batu Papan	2709	
8.	Cabang Tongkat	4,814	Kelantan Timur 8,348
9.	Ulu Temiang	1827	
10.	Sungai Rek	1,707	
Jumlah		37,543	37,543

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

- Semakan Audit mendapati, berlaku pengurangan keluasan HTA sejumlah 253 Ha bagi kawasan HTA Limau Kasturi melibatkan 3 kompartmen melalui peruntukan di bawah Seksyen 13, Akta Perhutanan Negara 1984. Pihak Berkuasa Negeri telahewartakan keluar keseluruhan 2,172Ha HSK tersebut berkuatkuasa mulai 27hb. November 2013 melalui Warta Kerajaan Negeri Kelantan No.3 pada bertarikh 30 Januari 2014. Dengan pewartaan keluar HTA seluas 253 Ha tersebut menyebabkan jumlah keluasan HTA yang diwarta berjumlah 35,645Ha berbanding keluasan asal 35,898Ha. Berdasarkan rekod JPNK bagi tahun 2015 mendapati 10,620Ha(22.8%) HTA daripada 46,518Ha belum diwartakan. Lawatan Audit bersama pegawai JPNK, JANK dan JAS pada 1 Jun 2016 ke HTA Ulu Temiang mendapati tiada papan tanda amaran dan penandaan secara fizikal sempadan HTA di pokok tidak dibuat. Mengikut penjelasan pegawai JPNK perkara ini berlaku disebabkan kekangan bajet membataskan pemantauan secara berkala. Kelewatanewartakan kawasan HTA menyebabkan pencerobohan kawasan HTA dan tindakan yang tegas tidak dapat diambil mengikut undang-undang.

iii. Pewartaan Sungai

Seksyen 13, Kanun Tanah Negara dan Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai menetapkan setiap sungai hendaklah mempunyai kawasan rizab mengikut kelebaran sungai. Manakala Pekeliling Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) Bil. 2 Tahun 2010 menetapkan kelebaran kawasan rizab sungai adalah antara 5 meter hingga 50 meter bergantung kepada kelebaran sungai. Mengikut Seksyen 425, Kanun Tanah Negara menetapkan denda sehingga RM10,000 atau penjara sehingga 1 tahun boleh dikenakan sekiranya berlaku pencerobohan rizab sungai. Pada tahun 2010, MMK telah meluluskan 420 batang sungai untuk pewartaan. JPS kemudiannya telah mengemukakan kelulusan ini kepada PTG untuk tindakan selanjutnya. Semakan Audit mendapati hanya 278 batang sungai yang diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Kelantan No. 2402 bertarikh 9hb Oktober 2014. Manakala bakinya 142 (33.8%) batang sungai masih belum diwartakan. Selain itu, pihak JPS dan JANK tidak mempunyai maklumat bilangan sungai dan keluasan rizab sungai yang perlu diwartakan sebagai kawasan sumber air permukaan.

3.4.3.2. Mengikut maklum balas JANK bertarikh 29 Ogos 2016, semua kawasan tadahan telah diwartakan. Sekarang ini dalam proses pengasingan kawasan tadahan LRA lojing seluas 420 hektar dari warta kawasan tadahan air Bertam seluas 49,713 hektar. JANK juga sedang menyediakan plan ukur pewartaan untuk diangkat kepada MMK. JPS memaklumkan baki 142 batang sungai dalam proses untuk diwartakan.

Pada pendapat Audit, pihak yang berkenaan perlu mengambil tindakan segera mengenal pasti dan mewartakan kawasan tadahan air, HTA dan sungai.

3.4.4. Pelesenan dan Penguatkuasaan

Pelesenan dan penguatkuasaan adalah di antara tugas dan tanggungjawab Pengarah Air Kelantan untuk mengawal dan melindungi sumber air dan penggunaan sumber air daripada eksploitasi dan risiko pencemaran serta menguatkuasakan pelanggaran Enakmen/Kaedah yang diguna pakai oleh Jabatan Air Negeri Kelantan (JANK). Selain itu, Pengarah Air Kelantan diberi tanggungjawab mengeluarkan dan memperbaharui lesen abstraksi air perigi.

3.4.4.1. Pelesenan Abstraksi Air Perigi

- a. Seksyen 51, Enakmen Bekalan Air Kelantan 1995 mewajibkan semua perigi yang digali untuk pengambilan air hendaklah memperolehi lesen kecuali perigi yang digunakan untuk tujuan domestik iaitu perigi yang mengeluarkan air kurang dari 3,000 liter sehari. Tujuan lesen perigi dikenakan adalah untuk mengawal, melindungi dan memelihara sumber air bumi dari diabstrak melebihi had, dibazirkan, tercemar atau timbul kesan sampingan yang lain seperti pemendapan tanah. Selain itu, ia bertujuan untuk memastikan kadar abstraksi air perigi seimbang mengikut kadar luahan selamat sesuatu kawasan.
- b. Seksyen 52(1), Enakmen Bekalan Air Kelantan 1995 juga menetapkan syarikat yang beroperasi tanpa lesen adalah bersalah dan boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 dan RM100 sehari sepanjang tempoh pelanggaran. Bagi memperbaharui lesen tersebut, JANK telah mengeluarkan tatacara permohonan permit/lesen yang menjelaskan bahawa notis pembaharuan hendaklah dibuat dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh. Seksyen 52(3), Enakmen Bekalan Air Kelantan 1995 juga memberi kuasa kepada pengarah JANK untuk menimbis mana-mana perigi bagi pemegang lesen yang tamat tempoh.
- c. Permohonan serta pembaharuan lesen bagi tahun 2009 hingga 2016 mendapati sebanyak 36 syarikat telah memohon dan mendapat lesen Abstraksi Air Perigi dan 36 syarikat yang aktif membuat pembaharuan lesen setiap tahun. Jumlah hasil yang diperolehi bagi tempoh tersebut berjumlah RM147,370 seperti di **Jadual 3.12**.

Jadual 3.12
Statistik Permohonan Dan Pembaharuan Lesen Abstraksi Air Perigi
Bagi Tahun 2009 Hingga 2016

Tahun	Permohonan Lesen			Pembaharuan Lesen			Jumlah Hasil (RM)
	Domestik	Komersial	Jumlah	Domestik	Komersial	Jumlah	
2009	1	6	7	2	11	13	6,660.45
2010	2	18	20	3	24	27	30,079.90
2011	2	3	5	5	26	31	22,312.01
2012	0	1	1	5	26	31	18,777.66
2013	0	1	1	5	27	32	22,540.36
2014	0	0	0	5	26	31	20,906.26
2015	0	0	0	5	24	29	22,766.01
2016	1	1	2	1	5	6	3,327.00
Jumlah	6	30	36	31	169	200	147,369.65

Sumber: Jabatan Air Negeri Kelantan

- d. Piagam pelanggan JANK menetapkan pengeluaran Lesen Abstraksi Air Perigi perlu dilengkapi dengan beberapa borang beserta dokumen sokongan yang lengkap dan mengambil masa 37 hari untuk diproses dari tarikh permohonan yang diterima. Piagam pelanggan menetapkan tempoh memproses pembaharuan lesen adalah 1 hari. Pemegang lesen perlu menghantar borang JANK GW 4/2008 dan JANK GW 5/2008 yang lengkap serta membayar kadar yang ditetapkan oleh JANK.
- e. Semakan Audit terhadap proses pengeluaran lesen kepada 15(42%) daripada 36 syarikat mendapati JANK telah melaksanakan proses pengeluaran lesen antara satu hingga 37 hari selaras dengan piagam pelanggan.
- f. Semakan Audit terhadap 36 syarikat mendapati 5(14%) pemegang lesen tidak memperbaharui lesen mereka dan semakan lanjut Audit mendapati pihak JANK telah pun mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis peringatan terhadap pemegang lesen tersebut seperti di **Jadual 3.13**.

Jadual 3.13
Lesen Tidak Diperbaharui Setakat 25 Mei 2016

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Tamat Lesen	Bil.Hari Tanpa Lesen	Nilai denda Yang Boleh Dikenakan (RM)	Catatan	Status Terkini
1.	Lama Tile (Timur) Sdn. Bhd.	02/01/2015	508	50,800	• Notis peringatan pembaharuan 15/04/2015 • Surat ulangan kedua 10/08/2015 • Surat ulangan ketiga 15/10/2015	• Kilang Tutup pada 15/02/2016
2.	Nur Abadi Garment	05/12/2015	171	17,100	• Notis peringatan pemberitahuan 15/10/2015 • Surat ulangan pertama 19/04/2016	• Telah buat pembaharuan pada 24/8/2016

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Tamat Lesen	Bil.Hari Tanpa Lesen	Nilai denda Yang Boleh Dikenakan (RM)	Catatan	Status Terkini
3.	Universiti Sains Malaysia (USM)	02/05/2016	22	2,200	•Notis peringatan pemberitahuan 20/04/2015	•Telah buat pembaharuan pada 14/06/2016
4.	Sudara Beach Resort	30/05/2016	-	-	•Notis peringatan pemberitahuan 20/04/2016	•Telah buat pembaharuan pada 30/06/2016
5.	Kheng Bee Concrete Products Sdn. Bhd.	25/05/2016	-	-	•Notis belum dikeluarkan	•Telah buat pembaharuan pada 20/04/2016
Jumlah				70,100		

Sumber: Jabatan Air Negeri Kelantan

- g. Semakan Audit mendapati JANK tidak pernah mengenakan denda terhadap pemegang lesen yang lewat memperbaharui lesen mereka sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 52(1), Enakmen Bekalan Air Kelantan 1995. JANK juga lewat mengeluarkan notis peringatan kepada Pemegang lesen untuk memperbaharui lesen. Pemegang lesen tidak memperbaharui lesen antara 22 hari ke 508 hari. JANK tidak menguatkuasakan Seksyen 52(1) di mana denda tidak dikenakan terhadap pemegang lesen di mana nilai denda yang boleh dikenakan berjumlah RM70,100. Tindakan menimbus perigi yang beroperasi tanpa lesen juga tidak pernah dilaksanakan.

3.4.4.2. Penguatkuasaan

- a. Tatacara Permohonan Permit Menggali Perigi Dan Lesen Abstraksi Air Perigi (EBA 1995) menerangkan pemegang lesen perlu menghantar Rekod Kualiti Air Perigi (Borang JANK GW 4/2008) dan Rekod Paras Air Perigi (Borang JANK GW 5/2008) setiap 6 bulan sekali dari tarikh lesen dikeluarkan kepada pihak JANK untuk semakan. Syarat-syarat Lesen Perigi juga menerangkan pihak JANK perlu mempunyai akses bebas untuk memasuki syarikat pemegang lesen pada bila-bila masa sekiranya diperlukan bagi memastikan syarat-syarat Jabatan dipatuhi dari semasa ke semasa. Semasa lawatan dijalankan di kawasan tersebut, pihak JANK telah mengenal pasti terdapat 51 premis telah beroperasi tanpa lesen semenjak tahun 2010 hingga 25 Mei 2016. Surat pemakluman dan pemberitahuan telah dikeluarkan supaya syarikat berkenaan membuat permohonan lesen dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat dan menyertakan bayaran yuran proses sebanyak RM150.
- b. Hasil semakan Audit mendapati 15 syarikat telah memohon lesen manakala 36 syarikat tidak membuat permohonan. Bagaimanapun notis peringatan tidak dikeluarkan kepada 36 syarikat berkenaan serta tindakan menimbus perigi tidak

dibuat. Butiran mengenai syarikat yang beroperasi tanpa lesen adalah seperti di **Jadual 3.14**.

Jadual 3.14
Senarai Syarikat Yang Beroperasi Tanpa Lesen Abstraksi Air Perigi

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Notis
1.	SMART Clean Laundrette - Kubang Kerian	16/3/2016
2.	SMART Clean Laundrette - Wakaf Che Yeh	16/3/2016
3.	Kilang Bata Bumi Sdn. Bhd.	16/3/2016
4.	Ladang Kg. Kuantan Sdn. Bhd.	23/2/2016
5.	Ladang Utama 2, First Nation Wide Kelantan	23/2/2016
6.	Ladang Fokus Bonanza Sdn. Bhd.	23/2/2016
7.	Ladang Acacia	23/2/2016
8.	Felcra Berhad Bukit Tandak	23/2/2016
9.	D' Genting Beach Resort	23/2/2016
10.	Real Concrete Trading	13/1/2016
11.	Villa Daniella Beach Resort	13/1/2016
12.	Kilang Shihat Afiat Sdn. Bhd.	29/5/2014
13.	Kilang Beng Huat	24/2/2013
14.	Sweet Beach Resort And Holiday Sdn. Bhd.	24/2/2013
15.	D- Bali Resort	24/2/2013
16.	UB Concrete Product Sdn. Bhd.	27/12/2011
17.	Gram Setia Sdn. Bhd.	27/12/2011
18.	Asahan Readymix	20/9/2010
19.	Kilang bata Kijang Bricks Trading	20/9/2010
20.	PH HM Berkas Enterprise	20/9/2010
21.	Teong Hoe Concrete Sdn. Bhd.	20/9/2010
22.	Premis Sdn. Bhd.	20/9/2010
23.	Perusahaan Bata Hj. Ali	8/8/2010
24.	Huat Hing Rubber (M) Sdn. Bhd.	8/8/2010
25.	Lepan Kabu Oil Mall (M) Sdn. Bhd.	8/8/2010
26.	Sungai Sam Maju Enterprise	8/8/2010
27.	Laloh Enterprise Sdn. Bhd.	8/8/2010
28.	Syarikat Pengkalan Pasir Sg. Sok	8/8/2010
29.	Unicorn Pilling	8/8/2010
30.	Syarikat Binajaya Concrete	22/7/2010
31.	Kilang Bata Press Yusnita Trading	18/7/2010
32.	Kilang Bata Hq B Interlocking	18/7/2010
33.	Sri Kandis Sdn. Bhd.	18/7/2010
34.	KAZA Sdn. Bhd.	19/7/2010
35.	BAP Concrete Sdn. Bhd.	18/7/2010
36.	Razali Batik Sdn. Bhd.	17/6/2010

Sumber: Jabatan Air Negeri Kelantan

3.4.4.3. Selain daripada JANK, terdapat beberapa jabatan/agensi yang terlibat dalam pengurusan sumber air di negeri Kelantan seperti di **Jadual 3.15**.

Jadual 3.15
Enakmen dan Fungsinya

Enakmen	Jabatan/ Agensi	Fungsi
Enakmen Bekalan Air 1952 (Pindaan 1995)	JANK	i. Pelesenan dan Penguatkuasaan. ii. Pengawalan pencemaran sumber air. iii. Pengurusan dan pewartaan kawasan tadahan. iv. Kelulusan pengubahan bentuk sumber air. v. Caj pengambilan air perigi.
Enakmen sungai dan parit (pindaan) 2015	JPS	Kelulusan pengubahan sumber air sungai
Enakmen Perhutanan	Jabatan Perhutanan	Hutan Tadahan Air

Sumber: Jabatan Air Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Perhutanan

3.4.4.4. Mengikut maklum balas JANK bertarikh 29 Ogos 2016, pihak JANK memaklumkan sebarang denda ditentukan oleh mahkamah sahaja setelah pendakwaan dilakukan. Bidang kuasa pendakwaan dan kompaun adalah di bawah kuasa Pengarah JANK dalam Enakmen Bekalan Air 1952. JANK memaklumkan Penguatkuasaan dilaksanakan terhadap permohonan lesen.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat pemegang lesen beroperasi tanpa lesen dan lesen tidak diperbaharui.

3.4.5. Pengurusan Hasil (Caj Air Mentah)

3.4.5.1. Selaras dengan kuasa yang diberi oleh Seksyen 51 Enakmen Bekalan Air 1995 (Enakmen No. 4 Tahun 1995), MMK telah menetapkan kadar caj bagi abstraksi air perigi berkuat kuasa mulai 14 Januari 2009 seperti **Jadual 3.16**.

Jadual 3.16
Kadar Caj Abstraksi Air Perigi

Bil.	Tujuan Penggunaan	Caj (RM/ m ³)
1.	Bekalan Air Awam/Domestik	0.01
2.	Komersial	0.05

Sumber: Jabatan Air Negeri Kelantan

3.4.5.2. Semakan Audit terhadap rekod caj penggunaan abstraksi air mentah mendapati perkara berikut:

a. Tunggakan Hasil Caj

Mengikut rekod sehingga 31 Mei 2016 sejumlah 37 lesen abstraksi air perigi telah dikeluarkan. Jumlah hasil caj air mentah daripada 37 pemegang lesen bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM24,321. Semakan selanjutnya mendapati tunggakan hasil caj berjumlah RM1,635 daripada 3 pemegang lesen belum dijelaskan seperti **Jadual 3.17**.

Jadual 3.17
Tunggakan Caj Air Abstraksi Air Perigi Setakat 31 Mei 2016

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Tamat Lesen	Caj Air (RM)	Tempoh Tunggakan	Jumlah Tunggakan (RM)	Status Terkini
1.	Nur Abadi Garment	05/12/2015	348.00	06/12/2015-05/12/2016	348.00	Telah dibayar pada 24/08/2016 berjumlah RM 348.00 (hasil sepatutnya bayar)
2.	Universiti Sains Malaysia (USM)	02/05/2016	821.25	03/05/2016-02/05/2017	821.25	Telah bayar pada 14/06/2016
3.	Sudara Beach Resort	30/05/2016	465.65	31/05/2016-30/05/2017	465.65	Telah bayar pada 30/06/2016
Jumlah					1,634.90	

Sumber: Jabatan Air Negeri Kelantan

b. Caj Dikenakan Tidak Mengikut Penggunaan Sebenar

Kadar caj 5 sen/m³ bagi tujuan komersial dikenakan kepada pelesen yang menggunakan *flow meter* adalah berdasarkan jumlah abstraksi sebenar. Semakan Audit mendapati, hanya satu daripada 37 pelesen sahaja yang menggunakan *flow meter* manakala baki 36 lagi mengabstraksi tanpa *flow meter* atau *flow meter* rosak. Jumlah *abstraksi* air perigi bagi tempoh 12 bulan adalah berdasarkan anggaran (keupayaan Pump) dan contoh pengiraannya adalah sebagaimana formula berikut:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah Caj} &= 8 \text{ jam} \times 1.8 \text{ m}^3 / \text{Jam} \\ &= 14.4 \text{ m}^3 / \text{hari} \times 290 \text{ (Setahun)} \\ &= 4,176 \text{ m}^3 / \text{setahun} \times 0.05 \text{ sen} \\ &= \underline{\underline{\text{RM } 208.80}}\end{aligned}$$

3.4.5.3. Lawatan Audit bersama pegawai JANK, JAS, JMG dan JPS pada 2 Jun 2016 ke Prototech Sdn. Bhd. dan Ain Medicare mendapati caj yang dikenakan kepada Prototech Sdn. Bhd. telah mengabstrak air perigi tanpa penggunaan *flow meter* seperti **Gambar 3.7**. Manakala, Ain Medicare pula menggunakan *flow meter* serta mengamalkan amalan hijau serta mesra alam dengan mengalirkan semula air lebihan ke dalam kolam takungan dan seterusnya diserap semula ke dalam bumi bagi mengekalkan kadar *recharge* air bawah tanah serta dimasukkan hidupan akuatik (ikan) sebagai indikator biologi seperti **Gambar 3.8**.

Gambar 3.7
Penggunaan Tanpa Flow Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
Lokasi: Prototech Sdn. Bhd. Kg. Pendek
Tarikh: 2 Jun 2016

Gambar 3.8
Aliran Semula Air Lebihan



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
Lokasi: Ain Medicare, Kawasan Perindustrian
Pengkalan Chepa
Tarikh: 2 Jun 2016

3.4.5.4. Pihak Audit tidak menemui bukti bahawa JANK pernah mengambil apa-apa tindakan terhadap Prototech Sdn. Bhd. yang telah beroperasi tanpa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam tatacara permohonan permit menggali perigi dan lesen abstraksi air perigi.

3.4.5.5. Caj Penggunaan Air Sungai Pelauur, Jajahan Kecil Lojing

a. Penggunaan Air Bagi Stesen Janakuasa Hidroelektrik Belum Dituntut

- i. Pada bulan November 1963 Kerajaan Negeri telah mengeluarkan lesen penggunaan air Sungai (Sg.) Pelauur, Lojing kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau dikenali sebagai *Central Electricity Board* pada masa itu. Lesen ini membenarkan TNB membina dan mengendalikan sebuah *intake* di Sg. Pelauur bertujuan melencongkan air melalui terowong bawah tanah ke Sg. Telom di Pahang dengan kapasiti sebanyak 30 kaki padu sesaat.
- ii. Berdasarkan *River & Drainage Enactment 1935* JPS boleh mengeluarkan lesen, mengenakan caj dan mengutip bayaran bagi penggunaan air tersebut dengan kadar RM100 setahun. Kadar ini telah dipinda kepada RM24,000 setahun pada tahun 1990 dan kadar diturunkan kepada RM12,000 setahun mulai tahun 1991.
- iii. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat MMK dan kertas kerja mengenainya mendapati sehingga akhir tahun 2015 Kerajaan Negeri belum membuat tuntutan berjumlah RM324,800 secara rasmi kepada TNB. Butiran lengkap seperti di **Jadual 3.18**.

Jadual 3.18
Caj Penggunaan Air Yang Belum Dituntut Semenjak Tahun 1982 - 2015

Bil.	Tahun	Caj Tahunan (RM)	Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM)	Sumber
1.	1982 - 1989	100.00	8	800.00	Enakmen/Akta
2.	1990	24,000.00	1	24,000.00	Pindaan 1990, RM 30 per kW
3.	1991 - 2015	12,000.00	25	300,000.00	Pindaan 1991 RM 15 per kW
Jumlah				324,800.00	

Sumber: Jabatan Air Negeri Kelantan

- iv. Kerajaan Negeri telah berusaha menyelesaikan isu berkaitan caj air ini melalui beberapa siri mesyuarat Penggunaan Air Sg Pelauur oleh Tenaga Nasional Berhad dan mesyuarat terakhir diadakan pada 29/01/2014. Keputusan mesyuarat adalah untuk mendapatkan pandangan penasihat Undang-undang Negeri Kelantan berkenaan tunggakan penggunaan air. Sehingga tarikh pengauditan tiada tindakan yang dilakukan oleh mana-mana pihak terhadap keputusan ini.

b. Penggunaan Air Untuk Aktiviti Pertanian Tanpa Caj

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Kali Ke-13/2010 yang bersidang pada 30 Jun 2010 bersetuju supaya aktiviti pengambilan air bagi petani/pekebun di Cameron Highlands dikenakan lesen/royalti ke atas mereka. Bagaimanapun minit mesyuarat MMK ini tidak menetapkan kadar yang sepatutnya dikenakan.
- ii. Pada bulan Februari 2014 rombongan daripada Jabatan Air Negeri bersama Pegawai Jajahan Lojing dan beberapa agensi Kerajaan yang lain telah melakukan lawatan ke Sg. Pelauur. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mendapat gambaran mengenai aktiviti-aktiviti yang berlaku Sg. Pelauur. Pemeriksaan rombongan berkenaan juga mendapati petani yang mengusahakan ladang di Cameron Highlands dan juga di Jajahan Lojing menggunakan air daripada Sg. Pelauur untuk kegunaan ladang mereka. Sebanyak 44 batang paip air bersaiz 2 inci digunakan untuk mengambil air daripada Sg. Pelauur iaitu 33 batang disalurkan ke ladang di Cameron Highlands manakala 11 batang lagi ke ladang di Jajahan Lojing.
- iii. Pihak Audit mendapati sehingga ke tarikh pengauditan tiada apa-apa caj yang dikenakan kepada petani-petani di Lojing dan Cameron Highlands yang mengambil air daripada sungai Pelauur untuk kegiatan pertanian. Pihak Kerajaan Negeri juga belum menetapkan kadar caj untuk penggunaan air bagi aktiviti pertanian, walaupun kadar caj yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Pahang sebanyak RM480 setahun bagi setiap ekar pernah dibincangkan dalam MMK Kali ke-13/2010.

3.4.5.6. Mengikut maklum balas JANK bertarikh 29 Ogos 2016, JANK mengambil maklum teguran Audit. Penambahbaikan akan dibuat bagi mengatasi masalah tersebut.

Pada pendapat Audit, jumlah caj abstraksi yang dikenakan hendaklah berasaskan penggunaan sebenar. Pihak Berkuasa Negeri juga hendaklah membuat tuntutan tunggakan semenjak tahun 1982 berjumlah RM324,000 secara rasmi kepada TNB serta menetapkan kadar serta kaedah pengenaan caj pengambilan air bagi petani/pekebun komersial di Cameron Highland dan Lojing.

3.4.6. Tadbir Urus

3.4.6.1. Enakmen Bekalan Air 1995

- a. Parlimen Malaysia telah meluluskan pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang memindahkan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama (kecuali Sabah dan Sarawak) berkuat kuasa pada 21 Mac 2005. Dengan pindaan itu, Kerajaan Persekutuan akan mengawal selia bekalan dan perkhidmatan air manakala Kerajaan Negeri Kelantan melalui JANK pula bertanggung jawab terhadap sumber air.
- b. Semakan Audit mendapati fungsi JANK telah berubah sebagai kawal selia sumber air negeri sebaik sahaja Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dikuatkuasakan. Bagaimanapun semakan audit terhadap Enakmen Bekalan Air 1995 mendapati kuasa dan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah enakmen ini bertindih dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2008 seperti berikut:
 - i. Memastikan air yang dibekalkan kepada pengguna adalah bersih, tulen dengan caj berpatutan.
 - ii. Mengawal selia obligasi-obligasi dan fungsi-fungsi penswastan perkhidmatan bekalan air menurut Seksyen 8 Enakmen Bekalan Air 1995 dan Kaedah-kaedah Bekalan Air 1984 serta memastikan syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri mematuhi perjanjian kontrak.
 - iii. Membuat apa-apa perkara lain yang difikirkan patut bagi menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa dengan lebih berkesan.
- c. Selepas penstrukturan semula industri air pada tahun 2008, fungsi dan tanggungjawab JANK adalah untuk mengawal selia sumber air di negeri Kelantan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati sebahagian besar kerja-kerja yang dilaksanakan oleh JANK adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja projek penyambungan dan pemasangan paip agihan air terawat.
 - ii. Pemantauan terhadap persekitaran LRA dan muka sauk.
- d. Kerja-kerja di atas sepatutnya dilaksanakan oleh AKSB dan dikawal selia oleh SPAN.

3.4.6.2. Majlis Sumber Air Negeri

- a. Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Majlis Sumber Air Negeri (MSANG) pada tahun 2013 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan yang bermesyuarat pada Oktober 2013. Objektif utama penubuhan MSANG adalah untuk memastikan Pengurusan Sumber Air dibuat secara mampan dan bersepadu dengan mengambil kira input dari pelbagai agensi dan jabatan. Keahlian MSANG terdiri daripada Menteri Besar Kelantan sebagai pengerusi, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan (JPS) dan pelbagai jabatan lain. MSANG hendaklah bermesyuarat sekurang-kurang sekali setahun dan urusetia kepada MSANG adalah UPEN.
- b. Semakan Audit mendapati MSANG telah bermesyuarat sebanyak sekali sahaja sepanjang tahun 2013 hingga 2015 iaitu pada Ogos 2014. Antara kandungan mesyuarat yang dibincangkan adalah seperti prestasi dan permasalahan dalam pengurusan sumber air dan juga isu-isu yang berbangkit dalam Majlis Sumber Air Negara.

3.4.6.3. Mengikut maklum balas JANK bertarikh 29 Ogos 2016, JANK mengambil maklum teguran Audit. Penambahbaikan akan dibuat bagi mengatasi masalah tersebut.

Pada pendapat Audit, MSANG tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana tindakan penyelesaian ke atas isu dan perkara yang dibincangkan tidak dapat dipantau secara berkala disebabkan mesyuarat hanya dilaksanakan sekali dalam tempoh 2 tahun.

3.5 SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif pengurusan sumber air di Negeri Kelantan tercapai sepenuhnya, Kerajaan Negeri hendaklah memperkasakan JANK sebagai peneraju kawal selia sumber air negeri dengan mengkaji semula peruntukan dalam Enakmen Bekalan Air 1995 berikutan penubuhan SPAN pada tahun 2008. Seterusnya JANK mengambil tindakan segeraewartakan kawasan tadahan bagi membolehkan penguatkuasaan diambil terhadap sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan pengumpulan dan kualiti sumber air mentah dan menjamin keselamatan kawasan tadahan daripada sebarang pencerobohan.

4. DARUL DIGITAL MULTIMEDIA SOLUTIONS SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Darul Digital Multimedia Solutions Sdn. Bhd. (DDMS) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 29 Januari 2007. Pada awalnya DDMS dikenali sebagai D.D Multimedia Solution Sdn. Bhd. Penukaran nama kepada Darul Digital Multimedia Solutions Sdn. Bhd (DDMS) telah dilakukan pada 23 April 2013. DDMS merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Modal dibenarkan DDMS berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM3 juta. Objektif utama penubuhan DDMS ialah untuk menghasilkan lepasan dan ahli animasi profesional yang berkaliber dan seterusnya dapat melibatkan diri dalam industri perisian dan menjadikan Kelantan sebagai pusat perisian animasi yang berasaskan nilai-nilai Islam yang terunggul.

4.1.2. DDMS telah memulakan operasinya secara rasmi sebagai pusat latihan animasi pertama di Kelantan pada 3 April 2007. Aktiviti utama DDMS adalah animasi, teknologi maklumat, multimedia dan latihan. Komposisi Ahli Lembaga Pengarah DDMS terdiri daripada 6 orang yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi, 3 orang wakil kerajaan, seorang ahli perniagaan dan seorang pensyarah. Pengurusan DDMS diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 6 orang kakitangan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti mencapai objektif penubuhan syarikat, tadbir urus korporat mengikut amalan terbaik serta pengurusan kewangan adalah berpandukan kepada peraturan kewangan ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat DDMS meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaan, fail projek, dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2013 hingga Jun 2016. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Perbincangan dan temu bual Audit bersama pegawai yang berkenaan telah diadakan. Pemeriksaan fizikal juga telah dilaksanakan terhadap aset DDMS. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar DDMS telah diadakan pada 14 Julai 2016.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan bermula 20 Mac 2016 sehingga 20 Jun 2016 mendapati pengurusan DDMS adalah kurang memuaskan. Prestasi kewangan DDMS mencatatkan kerugian bagi ketiga-tiga tahun yang diaudit dan kerugian terkumpul yang semakin meningkat sehingga RM3.21 juta. Terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Aktiviti utama iaitu pengendalian latihan tidak berdaya maju.
- Rancangan korporat 2016-2020 belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend


Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, rugi sebelum cukai, rugi bersih dan kerugian terkumpul DDMS bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.1**. Trend untung/(rugi) sebelum cukai, trend pendapatan serta perbelanjaan DDMS adalah seperti di **Carta 4.1**. dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi DDMS
Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Butiran	Tahun		
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Pendapatan Operasi	300,347	336,501	633,657
Pendapatan Lain	35,946	17,842	3,166
Jumlah Pendapatan	336,293	354,343	636,823
Kos Jualan	195,753	197,684	344,312
Perbelanjaan Pemasaran dan Pentadbiran	434,280	370,387	531,459
Jumlah Perbelanjaan	630,033	568,071	875,771
Rugi Sebelum Cukai	-293,740	-213,728	-238,948
Cukai	-	-	-
Rugi Bersih	-293,740	-213,728	-238,948
Kerugian Terkumpul	-2,758,056	-2,971,784	-3,210,732


Sumber: Penyata Kewangan DDMS

Carta 4.1
Trend Rugi Sebelum Cukai Dan
Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan
2013 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan DDMS

Carta 4.2
Trend Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi
Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan DDMS

- a. Kerugian sebelum cukai DDMS pada tahun 2013 ialah RM0.29 juta, dan berkurangan kepada RM0.21 juta pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak RM0.08 juta atau 27.2%. Bagaimanapun, kerugian sebelum cukai DDMS mengalami peningkatan semula sebanyak RM0.03 juta atau 11.8% kepada RM0.24 juta pada tahun 2015. Pengurangan kerugian pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan dan penurunan dalam kos pemasaran dan pentadbiran. Manakala peningkatan kerugian bagi tahun 2015 pula adalah disebabkan peningkatan kos operasi, kos pemasaran dan pentadbiran yang masih belum dapat ditampung walaupun terdapat peningkatan dalam pendapatan operasi pada tahun tersebut.
- b. Kerugian terkumpul DDMS berterusan mengalami peningkatan kerana syarikat mencatatkan kerugian bersih bagi ketiga-tiga tahun kewangan. Kerugian terkumpul ialah RM2.76 juta pada tahun 2013, RM2.97 pada tahun 2014 dan RM3.21 juta pada tahun 2015. Manakala kerugian sebelum cukai DDMS pula ialah RM0.29 juta pada tahun 2013, RM0.21 juta pada tahun 2014, dan RM0.24 juta pada tahun 2015. Peningkatan kerugian terkumpul berdasarkan kerugian bersih ialah RM0.21 juta atau 7.1% pada tahun 2014 dan RM0.23 juta atau 8.0% pada tahun 2015. Semakan Audit terhadap penyata kewangan DDMS mendapati terdapat pertambahan modal saham pada tahun 2015 sejumlah RM2.9 juta yang membantu mengurangkan jumlah kerugian terkumpul sejumlah RM0.23 juta atau 8.0%.
- c. DDMS memperoleh pendapatan dengan melaksanakan aktiviti penganjuran kursus serta latihan dan menyediakan perkhidmatan multimedia serta ICT kepada agensi di bawah naungan Perbadanan Menteri Besar dan agensi swasta lain. Jumlah pendapatan DDMS pada tahun 2013 ialah RM0.30 juta, meningkat kepada RM0.34 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sejumlah RM40,000 atau 13.3%. Manakala

jumlah pendapatan pada tahun 2015 ialah RM0.63 juta, peningkatan sebanyak RM0.29 juta atau 85.3% berbanding tahun 2014. Peningkatan pendapatan pada tahun 2015 disebabkan oleh peningkatan hasil pendapatan daripada perkhidmatan ICT dan yuran latihan. Bermula tahun 2016, DDMS hanya menumpukan aktiviti kepada penyediaan kursus dan latihan sahaja kerana perubahan perniagaan teras yang diputuskan dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 2/2016.

- d. Jumlah perbelanjaan DDMS pada tahun 2013 ialah RM0.63 juta, menurun kepada RM0.57 juta pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak RM0.06 juta atau 9.8% Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan meningkat semula kepada RM0.88 juta pada tahun 2015, peningkatan sebanyak RM0.31 juta atau 54.4% berbanding tahun 2014. Penurunan kos pemasaran dan pentadbiran pada tahun 2014 menjadi sebab penurunan perbelanjaan pada tahun tersebut. Manakala peningkatan kos jualan pada tahun 2015 menjadi punca utama kepada peningkatan perbelanjaan dalam tahun berkenaan.

4.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi 3 tahun kewangan iaitu 2013 hingga 2015. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2013 Hingga 2015

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2013	2014	2015
a.	Nisbah Semasa	0.03:1	0.04:1	0.35:1
b.	Margin Untung Bersih	-97.8%	-63.5%	-37.7%
c.	Pulangan Atas Aset	-1.34:1	-0.96:1	-1.24:1
d.	Pulangan Atas Ekuiti	-0.11:1	-0.07:1	-1.13:1

Sumber: Penyata Kewangan DDMS

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menyelesaikan tanggungan hutang jangka pendek atau liabiliti semasa. Nisbah semasa melebihi satu menunjukkan syarikat berupaya memenuhi tanggungan tersebut. Pada amnya, nisbah yang memuaskan adalah berkadar 2:1. Analisa menunjukkan berlaku peningkatan nisbah semasa yang berterusan dari tahun 2013 hingga 2015 tetapi nilai nisbah adalah kurang daripada satu. Nisbah semasa DDMS yang kurang daripada satu adalah disebabkan oleh jumlah liabiliti semasa yang lebih tinggi berbanding jumlah aset semasa. Peningkatan yang ketara nisbah semasa bagi tahun 2015 adalah disebabkan penambahan modal saham diterbitkan dan dibayar dari RM0.1 juta kepada RM3 juta. Faktor utama peningkatan nisbah semasa adalah disebabkan perubahan aliran keluar tunai, dan

penambahan jumlah penghutang serta jumlah pemiutang. Nisbah semasa yang kurang daripada satu menunjukkan syarikat kurang berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

b. Margin Untung Bersih

Margin Keuntungan digunakan untuk mengukur jumlah pendapatan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit jualan. Nilai peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berupaya mengawal kos dan perbelanjaan jualan untuk menghasilkan keuntungan bersih yang tinggi. Analisa menunjukkan margin keuntungan DDMS adalah rendah. Kerugian bersih yang dialami pada tahun 2013, 2014 dan 2015 mempengaruhi nilai margin keuntungan yang dicatatkan iaitu di bawah paras kosong. Ini menunjukkan syarikat kurang berupaya mengawal kos yang terlibat untuk menjana keuntungan syarikat.

c. Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur kecekapan dalam penggunaan aset syarikat untuk memperoleh pendapatan. Nisbah ini merupakan satu ukuran kecekapan, yang mana semakin tinggi pendapatan bersih, semakin cekap syarikat menguruskan aset. Analisa menunjukkan DDMS tidak mencatatkan pulangan atas aset bagi ketiga-tiga tahun, kerugian atas aset berjumlah RM1.33 pada tahun 2013, 95 sen pada tahun 2014 dan pulangan atas aset berjumlah RM1.24 sen pada tahun 2015. Kerugian bersih yang dialami pada tahun 2013, 2014 dan 2015 mempengaruhi nilai pulangan atas aset yang dicatatkan iaitu di bawah paras positif. Pulangan negatif atas aset menunjukkan ketidakcekapan pengurusan dalam menjana keuntungan daripada penggunaan aset syarikat.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi menggambarkan keupayaan syarikat dalam memaksimumkan pulangan terhadap jumlah pelaburan yang dibuat oleh syarikat. Semakin tinggi pendapatan bersih yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Analisa menunjukkan DDMS mencatatkan pulangan negatif atas ekuiti dari tahun 2013 hingga tahun 2015. Pulangan negatif atas ekuiti menunjukkan DDMS tidak berupaya memberi pulangan kepada pelaburan syarikat.

- e. Mengikut maklum balas DDMS bertarikh 18 Julai 2016, Pengurusan Kewangan DDMS dari tahun 2013 hingga tahun 2015 telah menunjukkan peningkatan yang baik. Peningkatan pendapatan telah ditunjukkan pada tahun 2014 sebanyak 12% dan 97% pada tahun 2015. Kerugian bersih juga telah dikurangkan sebanyak 27% pada tahun 2014 tetapi meningkat kepada 12% pada tahun 2015. Kerugian bersih tersebut sepatutnya menjadi lebih rendah sekiranya kos luar**

jangka untuk pemindahan pejabat dari KB Mall ke Bandar Baru Tunjong sebanyak RM39,303 dikeluarkan daripada kos pentadbiran. Liabiliti semasa juga telah berkurangan daripada RM2,877,289 kepada RM403,102 sahaja pada akhir tahun 2015 manakala modal saham telah dipertingkatkan kepada RM3 juta daripada RM100,000.00.

Pada pendapat Audit secara keseluruhannya, prestasi kewangan DDMS bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut dan kerugian terkumpul telah melebihi modal berbayar. Analisis trend dan nisbah kewangan yang menurun menunjukkan ketidakupayaan syarikat memenuhi tanggungan jangka pendek dan menjana keuntungan.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu untuk menghasilkan lepasan dan ahli animasi yang berkaliber dan seterusnya dapat melibatkan diri dalam industri perisian. Aktiviti DDMS adalah menyediakan kursus animasi dan latihan teknikal/pengurusan, menyediakan perkhidmatan multimedia, ICT dan percetakan kepada anak syarikat PMBK dan agensi swasta lain. Pengauditan telah dijalankan terhadap 2 aktiviti DDMS iaitu penganjuran Kursus Animasi dan Kursus Pembantu Juruteknik Sistem Komputer Tahap 2 (PJSKT2). Pihak Audit mendapati kelemahan pengurusan aktiviti seperti berikut:

4.4.2.1. Aktiviti Utama iaitu Pengendalian Latihan Tidak Berdaya Maju

a. Bilangan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran

- i. DDMS mensasarkan 120 orang pelajar yang akan mendaftar bagi kursus animasi ini bagi setiap semester dan empat buah kelas telah disediakan. Bagi kursus PJSKT2 tiada sasaran pelajar yang ditetapkan. Pelajar yang mengikuti kursus animasi perlu melepasi kursus asas animasi, seterusnya mengikuti kursus animasi 2D dan melanjutkan pengajian dalam kursus animasi 3D.
- ii. Semakan Audit mendapati jumlah pelajar yang mendaftar dan mengikuti program bagi setiap semester bagi kursus asas animasi adalah di antara 5 hingga 23 orang pelajar atau 4.2% hingga 19% berbanding sasaran bagi setiap sesi kursus. Manakala bagi program PJSKT2 pula, jumlah pelajar yang mengikuti kursus PJSKT2 hanyalah seramai 15 orang sahaja. Kursus PJSKT2 ini juga hanya berjaya dilaksanakan untuk satu sesi pengambilan sahaja. Jumlah pelajar yang mengikuti kursus asas animasi berbanding sasaran dari tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Jumlah Pelajar Kursus Asas Animasi Berbanding Sasaran
Dari Tahun 2007 Hingga Tahun 2010

Bil.	Tahun	Sesi Kursus	Jumlah Pelajar	Peratus (%)
1.	2007	Apr - Mei	18	15
		Jun - Ogos	8	6.7
		Ogos - Okt	13	10.8
		Sep - Nov	7	5.8
		Okt - Dis	23	19.2
		Nov - Jan	10	8.3
2.	2008	Jan - Mac	15	12.5
		Feb - Apr	15	12.5
		Mei - Julai	6	5
3.	2009	Jan - Mac	8	6.7
		Mac - Mei	5	4.2
4.	2010	Feb - Apr	13	10.8
Jumlah			141	

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah DDMS

- iii. Semakan lanjut mendapati 18 pelajar perintis DDMS yang mengikuti kursus asas animasi telah tamat pengajian pada awal Jun 2007 namun mereka tidak melanjutkan pengajian kursus animasi 2D. Mengikut minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 4/2007 pada 24 September 2007, sijil kursus hanya akan dikeluarkan setelah pelajar tamat kursus asas animasi 2D. Bagaimanapun selepas itu program kursus animasi 2D tidak dilaksanakan oleh DDMS sehingga ke tarikh pengauditan kerana tiada sambutan. Kursus animasi ini juga tidak mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- iv. **Mengikut maklum balas DDMS bertarikh 18 Julai 2016, bilangan pelajar gagal mencapai sasaran kerana tiada kemudahan pembiayaan disediakan kecuali melalui bantuan EXCO Kerajaan Negeri yang mempunyai sumber yang agak terhad dan program yang dijalankan tidak mempunyai pengiktirafan daripada mana-mana pihak yang menyukarkan pelajar untuk menyambung pengajian mereka atau bekerja di sektor berkaitan.**

b. Kemudahan Pembiayaan Pengajian Tidak Disediakan

- i. Yuran merupakan pendapatan utama kepada syarikat yang dapat memastikan kelangsungan operasi syarikat. Bagi memastikan pelajar-pelajar dapat membayar yuran pengajian, kemudahan pembiayaan pengajian perlu disediakan samada daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) atau lain-lain sumber. Selain itu, kemudahan pembiayaan pengajian juga perlu disediakan bagi menarik minat pelajar untuk mengikuti kursus di DDMS.
- ii. Semakan Audit mendapati pelajar-pelajar tidak boleh membuat pinjaman pengajian disebabkan kursus mereka tidak mendapat pengiktirafan. Bagi membiayai yuran pengajian pelajar, pihak DDMS membuat permohonan kepada

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk menaja pelajar-pelajar mereka. Di dalam minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil 3/2007 pada 9 Julai 2007 telah diputuskan bahawa kadar yuran yang dikenakan bagi seorang pelajar adalah berjumlah RM2,500. Walau bagaimanapun, ahli lembaga pengarah telah membuat perubahan di dalam Minit Mesyuarat Bil 1/2008 pada 11 Februari 2008 iaitu RM1,500 bagi pelajar yang mendapat tajaan manakala RM1,000 dikenakan kepada pelajar yang tidak mendapat tajaan. Daripada 141 pelajar bagi sesi pengajian 2007 hingga 2010 didapati 19 pelajar ditaja oleh ADUN dengan tajaan bernilai RM28,000. Sehingga 31 Disember 2015 sejumlah RM8,400 yuran tertunggak yang belum dijelaskan oleh pelajar telah dihapus kira dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil 1/2015 pada 9 Mac 2015.

- iii. Walaupun pengiktirafan JPK telah diperolehi bagi Kursus PJSKT2, namun pembiayaan oleh PTPK hanya layak diberikan kepada pelajar yang mengikuti Kursus Pembantu Juruteknik Sistem Komputer Tahap 3 sahaja.
- iv. **Mengikut maklum balas DDMS bertarikh 18 Julai 2016, tiada pembiayaan pengajian disediakan kerana program animasi bukan program akademik tetapi lebih kepada program kemahiran yang sepatutnya boleh mendapatkan dana daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Bagaimanapun penyediaan awal projek animasi tidak mensasarkan penggunaan PTPK dan hanya bergantung kepada dana kerajaan negeri dan yuran daripada pelajar.**

c. Kos Operasi Melebihi Pendapatan Operasi

- i. Semakan Audit ke atas Penyata Kewangan DDMS bagi tahun 2007 hingga 2010 mendapati kos operasi adalah lebih tinggi daripada pendapatan operasi bagi pengendalian kursus animasi. Pada tahun 2007 DDMS telah membelanjakan RM341,504 untuk kos operasi iaitu pembayaran yuran konsultan dan RM166,604 untuk kos pemasaran berbanding dengan pendapatan operasi yang diperolehi iaitu RM73,100. Pada tahun 2008 DDMS telah membelanjakan sejumlah RM53,450 untuk kos operasi bagi perbelanjaan 2D dan 3D manakala RM19,102 untuk kos pemasaran berbanding pendapatan operasi berjumlah RM69,700. **Jadual 4.4** menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan bagi kursus animasi bagi tahun 2007 hingga tahun 2010.
- ii. Semakan terhadap Penyata Kewangan DDMS bagi tahun 2011 hingga 2013 bagi kursus PJSKT2 mendapati kos operasi bagi ketiga-tiga tahun adalah lebih tinggi berbanding pendapatan operasi. Sejumlah RM22,923 telah dibelanjakan pada awal pelaksanaan kursus iaitu bagi sesi 2011/2012 sedangkan tiada pendapatan diperolehi pada tempoh tersebut. Manakala pada tahun 2013, DDMS telah memperolehi pendapatan operasi berjumlah RM6,510 tetapi tidak dapat

menampung jumlah kos operasi sejumlah RM18,134. Perbandingan kos operasi dan pendapatan operasi adalah seperti di **Jadual 4.5**.

- iii. Perbelanjaan yang tinggi pada awal penubuhan ini menyebabkan DDMS menanggung kerugian berterusan selama 9 tahun ia beroperasi. Semakan Audit terhadap penyata kewangan tahun 2015 mendapati kerugian terkumpul DDMS berjumlah RM3,209,742 dan telah melebihi modal berbayar berjumlah RM3 juta.

Jadual 4.4
Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Kursus Animasi
Bagi Tahun 2007 Hingga Tahun 2010

Keterangan	2007	2008	2009	2010	Jumlah (RM)
Pendapatan Operasi	73,100	69,700	74,750	12,300	229,850
Kos Operasi	341,504	53,450	11,699	61,704	468,357
Kos Pemasaran	166,604	19,102	7,408	8,981	202,095
Jumlah	-435,008	-2,852	55,643	-58,385	-440,602

Sumber: Penyata kewangan DDMS

Jadual 4.5
Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Kursus PJSKT2
Bagi Tahun 2011 Hingga Tahun 2013

Keterangan	2011	2012	2013	Jumlah (RM)
Pendapatan Operasi	-	-	6,510	6,510
Kos Operasi	2,450	20,473	18,134	41,057
Jumlah	-2,450	- 20,473	-11,624	-34,547

Sumber: Penyata kewangan DDMS

- iv. **Mengikut maklum balas DDMS bertarikh 18 Julai 2016, matlamat asal penubuhan DDMS adalah menjadi pusat animasi dan multimedia bertaraf antarabangsa yang memberi pendedahan kepada belia negeri Kelantan dalam bidang animasi dan multimedia yang tidak mementingkan keuntungan sahaja. Oleh itu suntikan modal secara sekaligus dan secara bulanan akan disediakan oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan yang telah menjangkakan pendapatan operasi yang lebih rendah berbanding kos operasi untuk tempoh yang agak lama sebelum projek ini betul-betul berjalan seperti yang sepatutnya.**

d. Pembaziran Aset

- i. Bagi menjayakan kursus animasi, DDMS telah membelanjakan sejumlah RM871,658 bagi pembelian peralatan-peralatan berkaitan kursus animasi seperti 64 buah komputer iMac, studio dan peralatan pembuatan video seperti di **Jadual 4.6**. Manakala bagi program PJSKT2 pula, DDMS telah membeli sebanyak 29 buah komputer *desktop* bernilai RM15,930.

Jadual 4.6
Kos Peralatan Untuk Memulakan
Program Animasi

Bil.	Peralatan	Jumlah (RM)
1.	64 buah komputer iMac	714,840
2.	Pioneer cut studio	86,227
3.	Peralatan video	70,591
Jumlah		871,658

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah

- ii. Semakan Audit mendapati aset yang dibeli bagi kedua-dua program tidak dimanfaatkan. Sepanjang tahun 2007 hingga 2010, DDMS telah menganjurkan 12 sesi kursus asas animasi dan jumlah pelajar yang menyertai kursus tersebut adalah di antara 5 hingga 23 orang pelajar bagi setiap sesi. Oleh itu bilangan maksimum penggunaan komputer iMac bagi kursus asas animasi adalah sebanyak 23 buah komputer iMac sahaja. Manakala kursus PJSKT2 pula hanya melibatkan satu sesi pengambilan sahaja dan jumlah pelajar pula adalah seramai 15 orang yang hanya menggunakan 15 buah komputer *desktop* untuk tempoh 7 bulan sahaja. Keadaan ini menyebabkan sejumlah 41 buah komputer iMac yang bernilai RM457,944 dan 14 buah komputer *desktop* yang bernilai RM7,690 tidak digunakan sebagaimana tujuan asal pembelian.
- iii. **Mengikut maklum balas DDMS bertarikh 18 Julai 2016, setelah projek animasi dihentikan, peralatan terutama komputer iMac telah digunakan untuk kursus dan latihan tetapi secara berkala sahaja. Sebahagian kecil komputer telah digunakan oleh kakitangan DDMS dan akan terus dimanfaatkan untuk kursus-kursus berkaitan teknologi maklumat pada masa akan datang.**

e. Perubahan Fokus Aktiviti Utama DDMS

- i. Berdasarkan prestasi aktiviti-aktiviti utama DDMS bagi tempoh 2007 sehingga 2011 yang tidak berdaya maju, pihak pengurusan syarikat induk telah mengubah fokus aktiviti utama DDMS kepada penyedia latihan pengurusan/teknikal. Mulai Februari 2015 DDMS telah mula menganjurkan kursus umum di bawah skim Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan sebanyak 12 kursus umum telah dilaksanakan oleh DDMS pada tahun tersebut. Mulai Oktober 2015 bidang latihan telah menjadi teras utama perniagaan DDMS. Perubahan teras ini telah berjaya meningkatkan pendapatan operasi DDMS daripada RM336,501 pada tahun 2014 kepada RM633,657 pada tahun 2015. Bagaimanapun peningkatan ini belum mencukupi untuk menjana keuntungan kepada syarikat kerana kos operasi yang masih tinggi iaitu RM875,771.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti DDMS adalah kurang memuaskan kerana DDMS tidak membuat perancangan dengan teliti bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, perubahan teras aktiviti utama belum berjaya memberi keuntungan kepada syarikat.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat DDMS mendapati perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau mengikut peraturan syarikat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan hanya sekali sahaja pada tahun 2013, 2 kali pada tahun 2014 dan sekali pada tahun 2015. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan laporan operasi syarikat, laporan kewangan dan prestasi syarikat serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, pentadbiran dan sumber manusia. Bagaimanapun, masalah berkaitan prestasi syarikat dan tindakan penyelesaian tidak dibincangkan dengan lebih mendalam dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. **Mengikut maklum balas DDMD bertarikh 18 Julai 2016, DDMS telah menghantar tarikh cadangan mesyuarat bagi tahun 2016 kepada Pengerusi dan Setiausaha syarikat bagi membolehkan tarikh-tarikh tersebut diadakan mesyuarat.**

4.4.3.2. Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan di DDMS memandangkan saiz syarikat yang kecil. Tugas Audit Dalam dijalankan oleh Jabatan Audit Dalam syarikat induk Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Jabatan Audit Dalam PMBK mula melaksanakan pengauditan terhadap Unit Kewangan DDMS pada 7 April 2013 iaitu selepas 6 tahun 3 bulan DDMS beroperasi. Pengauditan susulan pula dilaksanakan pada 29 September 2015 hingga 30 November 2015. Skop pengauditan Jabatan Audit Dalam PMBK adalah berkaitan dengan pengurusan kewangan DDMS sahaja. **Mengikut maklum balas DDMD bertarikh 18 Julai 2016, khidmat Audit Dalam PMBK digunakan bagi mengurangkan kos penubuhan Unit Audit Dalam sendiri.**

4.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalaman serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati DDMS tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kerana saiz syarikat yang kecil.

4.4.3.4. Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik, syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemaskini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Semakan Audit mendapati DDMS ada menyediakan rancangan korporat bagi tempoh jangka panjang iaitu Rancangan Perniagaan bagi tahun 2016 hingga 2020. Bagaimanapun, Rancangan Perniagaan ini masih belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Induk. Rancangan Korporat ini ada membincangkan berkenaan Strategi Perniagaan & Pelan Pelaksanaan DDMS dan dibahagikan mengikut tiga fasa iaitu Fasa Jangka Pendek (2016-2017), Fasa Sederhana (2018-2019) dan Fasa Jangka Panjang (2020 dan seterusnya). Walau bagaimanapun, DDMS tidak menyediakan Rancangan Korporat bagi tahun-tahun sebelumnya untuk dijadikan rujukan dan perbandingan oleh pihak Audit. **Mengikut maklum balas DDMD bertarikh 18 Julai 2016, DDMS telah membuat tindakan susulan berkenaan Rancangan Perniagaan DDMS 2016-2020 dengan pihak Pengurusan PMBK melalui saluran tertentu seperti *Quarterly Review* dan *CEO Roundtable* sepanjang tahun 2016 agar proses kelulusan Rancangan Perniagaan DDMS 2016-2020 diluluskan secepat mungkin.**

4.4.3.5. *Standard Operating Procedures*

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudahkan dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit ke atas *Standard Operating Procedures* (SOP) DDMS mendapati SOP Unit Pentadbiran & Unit Kewangan, Unit latihan, Unit Teknologi Maklumat dan Unit Multimedia ada disediakan dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 6 Disember 2012. Manakala SOP bagi pengurusan aset dan perolehan masih belum diwujudkan. **Mengikut maklum balas DDMD bertarikh 18 Julai 2016, DDMS sedang menambahbaik SOP sedia ada dan dalam proses mewujudkan SOP Pemasaran dan Pengurusan Aset yang tiada sebelum ini.**

4.4.3.6. Pembayaran Dividen

Mengikut amalan terbaik, syarikat patut membayar dividen setiap tahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan selaku pemegang saham. Syarikat yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen hendaklah memberikan butiran seperti sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar, cadangan bayaran bonus kepada kakitangan (jika ada), cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya, kerugian terkumpul (jika ada) dan tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar. Semakan Audit mendapati tiada dividen dibayar kepada pemegang saham sejak tahun 2013 hingga 2015 kerana DDMS mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM2,758,056 pada tahun 2013, RM2,971,784 pada tahun 2014 dan RM3,210,732 pada tahun 2015. **Mengikut maklum balas DDMD bertarikh 18 Julai 2016, tiada dividen dibayar kepada pemegang saham kerana DDMS masih mengalami kerugian berterusan semenjak di awal penubuhan.**

4.4.3.7. *Corporate Integrity Pledge/ Integrity Pact*

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 2010, *Corporate Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah dalam urusan perolehan. Manakala Institut Integriti Malaysia menggalakkan *Corporate Integrity Pledge* yang merupakan satu ikrar anti rasuah diadakan. Semakan Audit mendapati syarikat masih belum menandatangani *Corporate Integrity Pledge*, memandangkan DDMS tidak membuat urusan perolehan yang melibatkan jumlah yang besar. **Mengikut maklum balas DDMD bertarikh 18 Julai 2016, DDMS telah menghadiri Majlis *Corporate Integrity Pledge* anjuran Kumpulan PMBK pada bulan Januari 2016 yang mana Pengurus Besar dan Pegawai yang hadir bersama-sama membaca ikrar integriti korporat.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat DDMD adalah memuaskan.

4.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan DDMS adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan DDMS mengambil langkah berikut:

4.5.1. Memastikan hala tuju baru syarikat seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat 2016-2020 dilaksanakan dengan mengambil kira daya maju setiap aktiviti yang dijalankan dan elemen untung ruginya.

4.5.2. Memastikan latihan yang ditawarkan syarikat adalah setanding dengan syarikat lain yang menawarkan perkhidmatan latihan yang serupa dengan mengambil kira kos dan kualiti latihan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

26 September 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA